



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 76
No. 44

10 November 2023

*TAMBAHAN No. 4
ENAKMEN*

Enakmen yang berikut telah diluluskan oleh Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan pada 27 September 2023 dan telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan pada 24 Oktober 2023 disiarkan untuk pengetahuan umum:

The following Enactment passed by the State Legislative Assembly of Perak Darul Ridzuan on 27 September 2023 and assented to by His Royal Highness the Sultan of Perak Darul Ridzuan on 24 October 2023 is published for general information:

No.	Tajuk ringkas/Short title
Enakmen 18	Enakmen Sumber Air Perak 2023
Enactment 18	Perak Water Resources Enactment 2023



UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

Enakmen 18

ENAKMEN SUMBER AIR PERAK 2023

Tarikh Perkenan Diraja 24 Oktober 2023

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 10 November 2023

UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

Enakmen 18

ENAKMEN SUMBER AIR PERAK 2023

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II PENTADBIRAN

Bab 1

Lembaga Pengurusan Sumber Air Perak

3. Penubuhan Lembaga
4. Peletakhakan
5. Meterai perbadanan
6. Keanggotaan Lembaga
7. Penzahiran kepentingan
8. Pengosongan jawatan
9. Kesahan perbuatan dan prosiding
10. Mesyuarat Lembaga
11. Lembaga boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat
12. Lembaga boleh menubuhkan jawatankuasa
13. Minit
14. Arahan dan perwakilan kuasa Pihak Berkuasa Negeri
15. Maklumat kepada Pihak Berkuasa Negeri

Bab 2

Fungsi dan kuasa Lembaga

Seksyen

16. Fungsi Lembaga
17. Kuasa Lembaga
18. Perwakilan fungsi dan kuasa Lembaga
19. Kuasa menubuhkan syarikat

Bab 3

Pekerja Lembaga

20. Pelantikan Pengarah Lembaga Pengurusan Sumber Air Perak
21. Fungsi Pengarah
22. Perwakilan kuasa Pengarah
23. Pelantikan pegawai dan pekerja lain
24. Tatatertib dan surcaj
25. Kuasa mengambil kerja ejen

BAHAGIAN III

KEWANGAN

26. Kumpulan Wang Disatukan Lembaga
27. Kumpulan Wang Pembangunan Air
28. Kuasa meminjam
29. Akaun dan laporan tahunan
30. Siasatan terhadap akaun

BAHAGIAN IV

PENGURUSAN DAN PERLINDUNGAN SUMBER AIR

31. Tanggungjawab bagi sumber air
32. Penyediaan pelan pengurusan sumber air bersepadu

Seksyen

33. Pelaksanaan pelan pengurusan
34. Pelan pengurusan sumber air antara negeri
35. Arahan menghentikan kerja
36. Pengisytiharan kawasan perlindungan
37. Pengurusan air larian hujan
38. Pengurusan sumber air semasa banjir dan kemarau
39. Tindakan semasa banjir dan kemarau
40. Tindakan lanjut semasa kemarau
41. Mitigasi pencemaran air akibat kemalangan
42. Kawalan pembaziran air
43. Tindakan pemulihan sumber air
44. Larangan pencemaran sumber air

BAHAGIAN IV

PENGUNAAN SUMBER AIR DAN PELESENAN

Bab 1

Penggunaan sumber air

45. Hak terhadap air bagi maksud sara diri
46. Pemasangan dan pengendalian sukatan air
47. Kuasa mengenakan caj, dsb.
48. Kecekapan penggunaan sumber air
49. Kawalan penggunaan sumber air
50. Pengabstrakan air
51. Lencongan, dsb., aliran air
52. Kawalan navigasi di jalan air pedalaman Negeri
53. Kawalan aktiviti rekreasi

Bab 2

Pelesenan

Seksyen

54. Permohonan lesen
55. Maklumat atau dokumen tambahan
56. Deposit
57. Pengeluaran lesen
58. Kuasa untuk mengenakan syarat tambahan, mengubah atau membatalkan syarat lesen
59. Mempamerkan lesen
60. Perubahan butir-butir lesen
61. Penggantian lesen
62. Lesen tidak boleh dipindah milik
63. Pembatalan lesen
64. Pembaharuan lesen
65. Rayuan

BAHAGIAN VI

PENGUATKUASAAN

66. Pegawai diberi kuasa
67. Kuasa penyiasatan
68. Bukti kuasa
69. Kuasa memasuki premis
70. Capaian kepada data berkomputer
71. Kuasa menyita sumber, dsb.
72. Kuasa menyita benda, dsb.
73. Kuasa memberhentikan, menggeledah dan menyita pengangkut, dsb.
74. Pemulangan sementara pengangkut, dsb.
75. Pelucuthakan barangan yang disita, dsb. jika ada pendakwaan
76. Pelucuthakan barangan yang disita, dsb. jika tiada pendakwaan

Seksyen

77. Hak harta mengenai pengangkut, dsb., yang dilucuthakkan
78. Pelepasan pengangkut, dsb., yang disita
79. Kos memegang pengangkut, dsb., yang disita
80. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
81. Kuasa mendapatkan kembali kos dan perbelanjaan
82. Pemakaian Kanun Tatacara Jenayah
83. Pendakwaan

BAHAGIAN VII

KESALAHAN DAN PENALTI

84. Kesalahan am
85. Kesalahan yang berterusan
86. Perampasan faedah monetari
87. Kesalahan oleh badan korporat, pertubuhan atau perbadanan
88. Pengkompaunan kesalahan

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

89. Perlindungan daripada prosiding guaman dan perundangan
90. Pemberian maklumat
91. Perlindungan pemberi maklumat
92. Kuasa menetapkan borang
93. Kuasa membuat peraturan-peraturan

BAHAGIAN IX

PEMANSUHAN DAN KECUALIAN

94. Pemansuhan dan kecualian

UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

Enakmen 18

ENAKMEN SUMBER AIR PERAK 2023

BETA PERKENANKAN,

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH
Sultan Perak

24 Oktober 2023

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan mengenai pengurusan bersepadu bagi penggunaan, pembangunan dan perlindungan sumber air di Negeri Perak, penubuhan Lembaga Pengurusan Sumber Air Perak dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Perak Darul Ridzuan seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Sumber Air Perak 2023.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berkuat kuasanya—

(a) peruntukan yang berlainan dalam Enakmen ini; dan

(b) peruntukan dalam Enakmen ini bagi sumber air yang berlainan atau mana-mana bahagian daripadanya.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana kawasan sumber air di Negeri ini daripada pemakaian mana-mana atau semua peruntukan Enakmen ini.

(4) Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Enakmen ini dengan mana-mana undang-undang bertulis lain mengenai sumber air, peruntukan Enakmen ini hendaklah mengatasi dan peruntukan undang-undang bertulis lain yang bercanggah atau tidak selaras itu hendaklah disifatkan digantikan setakat percanggahan atau ketidakselarasan itu.

Tafsiran

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“air tanah” atau dikenali juga sebagai air bawah tanah, ertinya air di bawah permukaan yang mengisi keliangan atau pori dalam tanah, mendapan atau sedimen atau batuan yang berada dalam keadaan tepu;

“badan air” ertinya mana-mana alur, tasik, kolam, tanah perairan, perairan pantai dan badan air lain, sama ada semula jadi atau buatan dan termasuklah mana-mana badan air yang ditetapkan;

“buangan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*];

“dataran banjir” ertinya mana-mana kawasan yang bersebelahan dengan sungai atau badan air yang mudah terdedah kepada banjir;

“efluen” ertinya kumbahan dan benda sama ada dalam bentuk pepejal, separuh pepejal, cecair, gas, wap, air sisa termasuklah hasil larut resap atau pelepasan daripada penternakan haiwan atau akuakultur atau apa-apa aktiviti manusia yang dilepaskan, dikeluarkan atau diletakkan pada atau yang menjejaskan badan air dalam apa-apa isipadu, komposisi atau cara yang menyebabkan pencemaran;

“kawasan perlindungan” ertinya mana-mana kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan perlindungan di bawah seksyen 36;

“kawasan tadahan” ertinya mana-mana kawasan daripada sesuatu sumber air yang menerima aliran permukaan yang berasal daripada hujan;

“kawasan tanah bermasalah” ertinya mana-mana tanah bersebelahan dengan sumber air dimana penurunan air tanah boleh menyebabkan penyusutan air, pemendapan tanah, pembakaran spontan dan kesan keburukan lain;

“kerja” ertinya sebarang aktiviti termasuklah—

- (a) operasi, penyelenggaraan, pembinaan, pembuatan atau pemasangan apa-apa struktur, bangunan, peralatan, vesel, benteng, kerja tanah, atau tambak di atas, di dalam, merentasi atau di bawah mana-mana sumber air atau kawasan tadahannya;
- (b) pengerukan, tebus guna, mendalamkan, penimbunan atau penyaliran mana-mana sumber air atau kawasan tadahannya;
- (c) penerokaan, perlombongan, penggerudian, pencerucukan atas mana-mana sumber air atau kawasan tadahannya;
- (d) pelepasan mana-mana bahan, jirim atau benda ke dalam mana-mana sumber air atau kawasan tadahannya secara terus;
- (e) menanam, memotong atau menebang apa-apa tumbuh-tumbuhan di atas mana-mana sumber air atau kawasan tadahannya; dan
- (f) penakungan, pelencongan, pelepasan, penggalangan atau pengganggu terhadap aliran air dan penggunaan air di dalam mana-mana sumber air;

“Lembaga” ertinya Lembaga Pengurusan Sumber Air Perak yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Mahkamah” ertinya mahkamah dengan bidang kuasa yang kompeten;

“medan telaga air tanah” ertinya sebarang lapisan bawah permukaan yang tepu dengan air dan tahap ketelapan tertentu sama ada dalam batuan telap, mendapan atau sedimen seperti pasir, kelikir atau tanah di mana air tanah boleh dikeluarkan melalui penggunaan telaga atau sesuatu kaedah lain;

“pegawai polis” ertinya seseorang anggota Polis Diraja Malaysia berpangkat tidak rendah daripada Inspektor;

“Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak” ertinya suatu pelan atau set pelan yang menunjukkan kaedah untuk mengawal saliran air hujan, hakisan tanah, larian kelodak semasa pembinaan, penstabilan tapak, dan fasa penyelenggaraan pembinaan atau aktiviti gangguan tanah yang lain;

“pelan pengurusan” ertinya pelan pengurusan sumber air bersepadu yang dibuat di bawah seksyen 32;

“pelepasan” ertinya mengeluarkan, meletakkan atau menyebabkan lepasan atau membenarkan apa-apa pengeluaran, peletakan atau pelepasan;

“pencemar” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*];

“pencemaran” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*];

“pengabstrakan air” ertinya suatu proses pengalihan, pengambilan, pengepaman, pengubahan atau pemindahan air atau sumber daripada mana-mana sumber air atau kawasan tadahan;

“Pengarah” ertinya Pengarah Lembaga Pengurusan Sumber Air Perak yang dilantik di bawah seksyen 20;

“penghuni” ertinya seseorang yang menghuni atau mengawal —

(a) mana-mana premis atau tanah;

(b) berhubung dengan premis atau tanah yang bahagian yang berlainannya dihuni oleh orang yang berlainan, orang yang masing-masing menghuni atau mengawal setiap bahagian itu; atau

(c) mana-mana kenderaan, vesel atau pesawat udara;

“pengurusan sumber air bersepadu” ertinya suatu proses yang menggalakkan penyelarasan penggunaan, pembangunan dan perlindungan sumber air, tanah dan sumber yang berkaitan bagi memaksimumkan hasil ekonomi dan kebajikan sosial dalam cara yang saksama tanpa menjejaskan kemampanan ekosistem;

“perairan pantai” ertinya rujukan kepada bahagian laut wilayah Negeri dalam subseksyen 3(3) Akta Laut Wilayah 2012 [*Akta 750*];

“pertanian sara diri” ertinya aktiviti pertanian, perikanan atau penternakan bagi tujuan menyara sebuah keluarga atau sekumpulan keluarga termasuklah transaksi perdagangan di tahap sara diri, yang menjana pendapatan bulanan bagi jumlah yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri berdasarkan kepada dokumen atau penyata yang dikemukakan oleh pemunya atau penghuni premis atau tanah tersebut tetapi tidak termasuk perusahaan pertanian perdagangan yang melibatkan penanaman berladang atau penternakan;

“Pihak Berkuasa Awam” ertinya mana-mana pihak berkuasa yang menjalankan kuasa-kuasa yang terletak hak padanya oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri, atau mana-mana orang yang dilantik oleh atau bertindak bagi mana-mana pihak berkuasa itu;

“Pihak Berkuasa Negeri” ertinya Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak;

“premis” termasuklah mana-mana bangunan atau mana-mana bahagian daripadanya sama ada lengkap atau tidak, sama ada di darat atau di mana-mana sumber air;

“rizab sungai” ertinya sungai itu dan had dataran banjir menghala ke darat yang terletak dalam jarak lima puluh meter dari tanda air biasa sungai itu atau jarak lain yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan termasuklah mana-mana rizab sungai yang ditetapkan;

“struktur” ertinya apa-apa struktur, sama ada siap atau tidak yang dibina di atas, di dalam, melintasi atau di bawah sumber air, termasuklah tetapi tidak terhad kepada, tanjakan bot, jambatan, benteng, groin, lebuh raya, jeti, jalan, laluan pejalan kaki, telaga, terowong dan saluran paip;

“sumber air” ertinya mana-mana badan air, termasuklah sungai dan air tanah;

“tanah” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Kanun Tanah Negara [*Akta 828*];

“tebing” berhubungan dengan suatu sumber air ertinya mana-mana tebing sumber air yang terbentuk secara semula jadi atau buatan; dan

“vesel” termasuklah mana-mana kapal atau bot atau apa-apa perihalan lain vesel yang digunakan dalam pelayaran.

BAHAGIAN II
PENTADBIRAN

Bab 1

Lembaga Pengurusan Sumber Air Perak

Penubuhan Lembaga

3. (1) Suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “Lembaga Pengurusan Sumber Air Perak” adalah ditubuhkan.

(2) Lembaga adalah kekal turun-temurun dan mempunyai meterai perbadanan.

(3) Lembaga boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya sendiri.

(4) Tertakluk kepada dan bagi maksud Enakmen ini, Lembaga boleh, atas apa-apa terma yang didapatinya patut—

- (a) memasuki kontrak; dan
- (b) berkenaan dengan apa-apa jenis harta alih dan tak alih dan kepentingan mengenai harta alih dan tak alih—
 - (i) memperoleh, membeli dan mengambil harta dan kepentingan itu; dan
 - (ii) memegang, menikmati, memindahkan, menyerahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemiskan, menyerahkan semula, memindahkan hakmilik atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat urusan mengenai, apa-apa harta dan kepentingan yang terletak hak pada Lembaga.

Peletakhakan

4. (1) Maka adalah dan hendaklah terletak hak secara tunggal pada Pihak Berkuasa Negeri segala sumber air yang terdapat di dalam wilayah Negeri dan had perairan pantai Negeri.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan suatu tarikh peletakhakan dan pada tarikh itu semua harta, hak,

kepentingan, obligasi dan liabiliti Kerajaan Negeri yang berkaitan dengan pengurusan sumber air, kecuali harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu, hendaklah berpindah kepada dan terletak hak pada Lembaga tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan hak milik.

(3) Tiap-tiap harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang dipindahkan kepada dan terletak hak pada Lembaga menurut subseksyen (2) hendaklah dipindahkan kepada dan terletak hak sedemikian kepada Lembaga dengan hakmilik, harta benda atau kepentingan yang serupa dan dengan pemegangan yang serupa sebagaimana harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti itu terletak hak atau dipegang sebaik sebelum tarikh peletakhakan itu.

(4) Tiap-tiap hak dalam tindakan, hak, kepentingan, obligasi atau liabiliti yang terletak hak pada Lembaga menurut kuasa subseksyen (2) boleh, pada dan selepas tarikh peletakhakan, dibawa guaman terhadapnya, didapatkan atau dikuatkuasakan oleh Lembaga atas namanya sendiri dan Lembaga atau Kerajaan Negeri tidak perlu memberikan notis—

- (a) kepada orang yang terikat dengan hak dalam tindakan itu; atau
- (b) kepada orang yang hak, kepentingan, obligasi atau liabilitinya tersentuh oleh, peletakhakan yang dibuat di bawah subseksyen (2).

(5) Apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadap Kerajaan Negeri yang belum selesai yang berkaitan dengan apa-apa harta, hak, kepentingan, obligasi atau liabiliti yang dipindahkan kepada dan terletak hak pada Lembaga menurut kuasa subseksyen (2) boleh, pada dan selepas tarikh peletakhakan, diteruskan oleh atau terhadap Lembaga.

(6) Dalam hal hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang berbangkit di bawah apa-apa pinjaman yang terletak hak pada Lembaga pada tarikh peletakhakan, Lembaga boleh membuat apa-apa perjanjian atau perkiraan mengenai hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti itu dengan Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak lain.

(7) Pada dan selepas tarikh peletakhakan, apa-apa perjanjian, surat ikatan atau perkiraan lain yang berhubungan dengan apa-apa harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang dipindahkan kepada dan terletak hak pada Lembaga di bawah subseksyen (2) yang Kerajaan Negeri adalah pihak kepadanya sebaik sebelum tarikh peletakhakan itu, sama ada secara bertulis atau tidak, dan sama ada atau tidak daripada sesuatu jenis harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti di bawah perjanjian, surat ikatan atau apa-apa perkiraan lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang boleh diserahkan oleh Kerajaan Negeri, hendaklah mempunyai kuat kuasa seolah-olah Lembaga telah menjadi pihak kepada perjanjian, surat ikatan atau perkiraan lain itu.

(8) Dalam seksyen ini, “tarikh peletakhakan” ertinya tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen (2).

Meterai perbadanan

5. (1) Meterai perbadanan Lembaga hendaklah mempunyai suatu tanda sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu oleh Lembaga sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Lembaga, suatu cap yang mengandungi perkataan “Lembaga Pengurusan Sumber Air Perak” bolehlah digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan Lembaga.

(3) Meterai perbadanan Lembaga hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi dan hendaklah disahkan oleh—

(a) dua orang anggota Lembaga yang diberi kuasa oleh Lembaga; atau

(b) seorang anggota Lembaga yang diberi kuasa oleh Lembaga dan Pengerusi.

(4) Semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai perbadanan dan disahkan mengikut subseksyen (3) hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah disempurnakan dengan sah.

(5) Meterai perbadanan Lembaga hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Keanggotaan Lembaga

6. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota-anggota seperti berikut:

- (a) Pengerusi yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- (b) Setiausaha Kerajaan Negeri yang hendaklah menjadi Timbalan Pengerusi;
- (c) enam orang anggota atas jawatan yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- (d) tidak lebih dari tiga anggota lain yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri yang mempunyai kepakaran dalam perkara yang berhubungan dengan sumber air; dan
- (e) Pengarah yang hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga.

(2) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam suratcara pelantikannya, seseorang anggota yang dilantik di bawah perenggan (1)(d) hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

(3) Anggota Lembaga bolehlah dibayar saraan atau elaun seperti yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Penzahiran kepentingan

7. (1) Seseorang anggota Lembaga atau ahli bagi mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 12 yang mempunyai atau yang memperoleh kepentingan langsung atau tidak langsung dengan sendiri, menerusi anggota keluarganya atau menerusi sekutunya berhubung dengan mana-mana perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga atau jawatankuasa itu hendaklah menzahirkan kepada Lembaga atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hakikat kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Lembaga atau jawatankuasa itu, mengikut

mana-mana yang berkenaan, yang dalamnya perkara itu dibincangkan dan selepas penzahiran itu, anggota atau ahli jawatankuasa itu —

- (a) tidak boleh dikira bagi maksud membentuk korum mesyuarat Lembaga atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana berkenaan; dan
- (b) tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam mana-mana perbincangan atau keputusan Lembaga atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, apabila perkara itu dibincangkan atau diputuskan.

(3) Tiada tindakan atau prosiding Lembaga atau jawatankuasa, boleh ditaksahkan atas alasan bahawa mana-mana anggota Lembaga atau ahli jawatankuasa telah melanggar peruntukan-peruntukan seksyen ini.

(4) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) “anggota keluarga”, berhubung dengan seseorang anggota Lembaga atau ahli jawatankuasa, termasuklah—
 - (i) suami atau isterinya;
 - (ii) ibu atau bapanya (termasuk ibu atau bapa suami atau isterinya);
 - (iii) anaknya (termasuk anak angkat atau anak tiri);
 - (iv) adik beradiknya (termasuk adik beradik suami atau isterinya); dan
- (b) “sekutu”, berhubung dengan seseorang anggota Lembaga atau ahli jawatankuasa, ertinya—
 - (i) mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja anggota itu;
 - (ii) mana-mana firma yang anggota itu atau mana-mana penamanya merupakan seorang pekongsinya;
 - (iii) pekongsi anggota atau ahli jawatankuasa itu;
 - (iv) pemegang amanah sesuatu amanah yang di bawahnya anggota itu atau seseorang anggota keluarganya menjadi benefisiarinya; atau

- (v) mana-mana perbadanan, mengikut pengertian Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*], yang anggota itu atau mana-mana penamanya atau seorang anggota keluarganya menjadi pengarahnya atau mempunyai kepentingan kawalan atau syer yang jumlah nilainya tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada jumlah modal diterbitkan perbadanan itu.

Pengosongan jawatan

8. Jawatan seseorang anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(d) ini hendaklah dikosongkan jika—

- (a) dia meninggal dunia;
- (b) terdapat bukti terhadapnya, atau dia telah disabitkan dengan suatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) suatu kesalahan melibatkan penipuan, ketidakjujuran atau keburukan akhlak;
 - (ii) suatu kesalahan di bawah apa-apa undang-undang berkaitan dengan rasuah atau di bawah Enakmen ini; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan penjara (secara sendiri atau sebagai tambahan kepadanya atau sebagai ganti suatu denda) melebihi dua tahun;
- (c) dia menjadi seorang bankrap;
- (d) dia merupakan seorang yang tidak waras atau tidak keupayaan untuk menjalankan tugasnya;
- (e) dia tidak menghadirkan diri tiga kali berturut-turut mesyuarat Lembaga tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Negeri bagi Pengerusi dan kebenaran Pengerusi bagi ahli Lembaga yang lain;
- (f) peletakan jawatannya diterima oleh Pihak Berkuasa Negeri; atau
- (g) pelantikannya dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Kesahan perbuatan dan prosiding

9. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang dijalankan di bawah Enakmen ini boleh dipersoal atas alasan bahawa—

- (a) terdapat apa-apa kekosongan dalam keanggotaan Lembaga atau jawatankuasa, atau kecacatan dalam penubuhan Lembaga atau jawatankuasa; atau
- (b) apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

Mesyuarat Lembaga

10. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun.

(2) Korum di semua mesyuarat Lembaga hendaklah separuh daripada anggotanya hadir termasuk Pengerusi atau Timbalan Pengerusi.

(3) Mesyuarat hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi atau Timbalan Pengerusi.

(4) Setiausaha Lembaga berhak menghadiri semua mesyuarat Lembaga dan dibenarkan bercakap, tetapi tidak boleh mengundi mengenai apa-apa perkara yang dibincangkan.

(5) Jika atas suatu persoalan untuk diputuskan, terdapat persamaan undi, Pengerusi atau Timbalan Pengerusi, yang mungkin mempengerusikan mesyuarat itu, hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undinya terdahulu.

(6) Lembaga hendaklah menentukan tatacaranya sendiri.

Lembaga boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat

11. (1) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri sebarang mesyuarat atau pertimbangtelitian Lembaga bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi dia tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat untuk pertimbangtelitian itu.

(2) Mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri sebarang mesyuarat atau pertimbangtelitian Lembaga di bawah subseksyen (1) boleh dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Lembaga.

Lembaga boleh menubuhkan jawatankuasa

12. (1) Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang didapatinya perlu atau suai manfaat untuk membantunya melaksanakan fungsi atau kewajipannya dan menjalankan kuasanya di bawah Enakmen ini.

(2) Anggota sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) boleh dilantik daripada kalangan anggota Lembaga atau mana-mana orang lain yang didapati patut oleh Lembaga.

(3) Lembaga boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(4) Anggota sesuatu jawatankuasa boleh meletakkan jawatan dengan memberikan notis bertulis kepada Pengerusi.

(5) Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini boleh melantik mana-mana anggotanya menjadi pengerusi dan boleh menentukan tatacaranya sendiri, dan pada menjalankan kuasanya jawatankuasa itu hendaklah tertakluk kepada dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa itu oleh Lembaga.

(6) Anggota sesuatu jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat sesuatu jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain yang ditentukan oleh Lembaga.

(7) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada masa dan di tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa.

Minit

13. (1) Lembaga dan jawatankuasa hendaklah menyenggarakan minit mesyuaratnya dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat Lembaga atau sesuatu jawatankuasa, jika ditandatangani dengan sewajarnya, hendaklah, dalam mana-mana prosiding, diterima sebagai keterangan *prima facie* di Mahkamah.

(3) Setiap mesyuarat Lembaga atau sesuatu jawatankuasa yang minit mengenainya telah dibuat mengikut subseksyen (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan kesemua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

Arahan dan perwakilan kuasa Pihak Berkuasa Negeri

14. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, dari semasa ke semasa, memberikan kepada Lembaga arahan-arahan yang selaras dengan peruntukan Enakmen ini berhubung dengan fungsi, kewajipan dan kuasa Lembaga, dan Lembaga hendaklah melaksanakan arahan itu.

(2) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mewakilkan kepada Lembaga, Pengarah atau mana-mana pegawai, bagi menjalankan atau melaksanakan, tertakluk kepada syarat dan sekatan yang boleh ditetapkan dalam pemberitahuan itu, apa-apa kuasa Pihak Berkuasa Negeri di bawah Enakmen ini:

Dengan syarat bahawa perwakilan kuasa di bawah subseksyen (2)—

- (a) tidak terpakai ke atas kuasa Pihak Berkuasa Negeri di bawah Enakmen ini untuk membuat peraturan-peraturan; dan
- (b) tidaklah menghalang Pihak Berkuasa Negeri daripada menjalankan kuasa itu atau melaksanakan kewajipan itu dengan sendirinya dalam apa-apa kes di mana didapati oleh Pihak Berkuasa Negeri adalah suai manfaat untuk berbuat demikian.

Maklumat kepada Pihak Berkuasa Negeri

15. (1) Lembaga hendaklah membekalkan sebarang penyata, laporan, akaun dan maklumat kepada Pihak Berkuasa Negeri berhubung dengan harta dan kegiatannya apabila dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), laporan berkenaan perkara-perkara besar atau berhubung dengan kepentingan awam hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dengan serta-merta.

Bab 2

Fungsi dan kuasa Lembaga

Fungsi Lembaga

16. Lembaga hendaklah mempunyai fungsi-fungsi untuk—

- (a) menasihati Pihak Berkuasa Negeri tentang pengurusan air bersepadu Negeri khususnya berhubung perlindungan, penggunaan, pembangunan, pemuliharaan, pengurusan dan pengawalan sumber air secara mampan dan saksama, untuk faedah semua pihak dan sumber air;
- (b) menasihati Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan dasar-dasar pengurusan sumber air bersepadu tetapi tidak terhad kepada cara-cara dan langkah-langkah yang hendak diambil untuk menjaga, memelihara dan memudahkan pembangunan mampan, penggunaan dan pemuliharaan sumber air yang efisien bagi maksud awam;
- (c) membangun, melaksana dan menggalakkan projek infrastruktur untuk tujuan sumber air;
- (d) mengatur dan mengawal pemindahan air antara lembangan atau antara negeri;
- (e) membangun dan melaksanakan panduan, standard prestasi, cara-cara dan tatacara-tatacara berhubung dengan pengurusan, penggunaan, pemeliharaan dan pemuliharaan sumber air;
- (f) menyelaraskan perhubungan pelbagai agensi dalam Negeri dan antara negeri-negeri dan menggalakkan kerjasama serta penyelarasan untuk kegunaan sumber air pelbagai fungsi;
- (g) menerima pakai dan melaksanakan apa-apa dasar, pelan dan projek seperti yang diarah oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- (h) mengendalikan penyelidikan berhubung dengan pengurusan, penggunaan efisien, pembangunan dan pemuliharaan sumber air dan sumber di dalamnya;

- (i) menyediakan pelan pengurusan sumber air yang bersepadu antara Pihak Berkuasa Awam dan semua pihak yang berkepentingan;
- (j) mengurus keseimbangan sumber air yang mengambil kira kuantiti dan kualiti sumber;
- (k) menasihati Pihak Berkuasa Negeri berhubung dengan pembangunan ekonomi yang berasaskan sumber air;
- (l) menyediakan latihan dan mengadakan kemudahan untuk latihan berhubung dengan fungsi Lembaga;
- (m) menasihati Pihak Berkuasa Negeri berhubung dengan pengisytiharan kawasan yang ditetapkan dan dilindungi serta merumus dan melaksanakan pelan pembangunan dan pelan pengurusan untuk kawasan-kawasan itu;
- (n) menjaga kepentingan Negeri dalam hal pembangunan, pengurusan, penggunaan dan pemuliharaan sumber air;
- (o) mengurus dan mengawal pemasangan, pengendalian dan penyelenggaraan tempat-tempat dan peralatan kepunyaan Lembaga;
- (p) menjaga kepentingan pengguna air berhubung dengan kuantiti, kualiti dan harga yang hendak dikenakan untuk bekalan sumber air;
- (q) menggalakkan penubuhan pertubuhan pemegang kepentingan untuk Lembaga dalam pembangunan dan pemuliharaan sumber air;
- (r) mengeluarkan lesen kepada mana-mana Pihak Berkuasa Awam atau orang bagi mengusahakan sebarang kegiatan yang berhubung dengan sumber air dan mengawal selia pemegang lesen serta aktiviti-aktiviti mereka;
- (s) membuat kutipan fi, caj, sumbangan, deposit, kompaun dan sebarang bayaran lain berhubung penggunaan, pembangunan dan perlindungan sumber air;
- (t) menyediakan sumber manusia yang profesional dalam bidang sumber air;

- (u) menjalankan penguatkuasaan termasuklah menyiasat sebarang kejadian, kesalahan atau kemalangan yang berlaku di atas atau berhubungan dengan suatu sumber air; dan
- (v) membuat sebarang perkara lain yang didapatinya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya dengan berkesan atau bersampingan pelaksanaan fungsinya.

Kuasa Lembaga

17. Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk —

- (a) mengendalikan tinjauan, membuat kajian daya maju dan mengumpul maklumat untuk penyelidikan dan penyediaan pelan pengurusan serta pemuliharaan mana-mana sumber air;
- (b) merumus, meluluskan dan melaksanakan pelan pengurusan dan pembangunan untuk sumber air dan membuat sebarang kerja yang berhubungan dengannya;
- (c) menasihati dan membantu Pihak Berkuasa Negeri dalam merumuskan atau mengkaji semula perundangan, arahan dan tatacara dengan tujuan untuk menggalakkan atau memudahkan pelaksanaan pengurusan sumber air bersepadu;
- (d) mengawal selia pengeluaran lesen di bawah Enakmen;
- (e) merumus, mengenakan dan mengutip fi, caj, sumbangan deposit, kompaun dan sebarang bayaran lain bagi penggunaan, pembangunan dan perlindungan sumber air;
- (f) mengatur dan mengawal selia sebarang aktiviti pengubahan sumber yang dijalankan oleh seseorang atau badan tertentu yang menyentuh atau memberi kesan kepada sumber air;
- (g) membina, menyelenggara, memulih, mendiami semula dan menggunakan sebarang struktur, bangunan atau kerja-kerja di dalam batasan mana-mana sumber air;
- (h) membina, menyelenggara, memperbaiki, memulih dan membaik pulih sebarang kerja di luar batasan sumber air seperti yang diperlukan untuk perlindungan kerja-kerja kepunyaannya di dalam batasan mana-mana sumber air;

- (i) menasihati Pihak Berkuasa Negeri berhubungan dengan pemindahan air dari dan di antara negeri-negeri;
- (j) menyelaraskan kegiatan Pihak Berkuasa Awam, pertubuhan pemegang kepentingan dan mana-mana orang berhubungan dengan pengurusan, penggunaan efisien dan pemuliharaan sumber air;
- (k) melantik atau menggaji ejen, penasihat teknikal, perunding atau orang lain untuk mengendalikan sebarang perkara atau memasuki kontrak bagi pelaksanaan sebarang kerja, untuk perkongsian keuntungan atau usaha sama dengan mana-mana orang atau badan;
- (l) memperolehi melalui pembelian, pemberian atau sebaliknya dan melupuskan atau berurusan dengan harta alih dan harta tak alih dan sebarang kepentingan di dalamnya, atas terma-terma dan syarat-syarat yang dianggap wajar oleh Lembaga;
- (m) membuat atau melaksanakan sebarang perbuatan yang dianggap oleh Lembaga sebagai perlu, bermanfaat atau suai manfaat untuk dilakukan atau dibuat di dalam pelaksanaan tugasnya;
- (n) dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, menerima pakai dengan membuat sebarang ubah suaian yang difikirkannya patut, mana-mana peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, dasar, pekeliling atau arahan yang diperbuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan; dan
- (o) melaksanakan semua fungsi dan kuasa dan menjalankan semua tugas yang diberikan atau diwakilkan kepadanya di bawah atau berkenaan sebarang peruntukan dalam Enakmen ini dan undang-undang bertulis yang lain.

Perwakilan fungsi dan kuasa Lembaga

18. (1) Lembaga boleh, secara bertulis dan tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang ditetapkan oleh Lembaga, mewakilkan mana-mana fungsi dan kuasanya di bawah Enakmen ini kepada—

- (a) Pengerusi atau Timbalan Pengerusi;
- (b) Pengarah;

- (c) suatu jawatankuasa;
- (d) Pihak Berkuasa Awam; atau
- (e) mana-mana orang lain.

(2) Walau apa pun yang dinyatakan dalam subseksyen (1), kuasa untuk —

- (a) membuat peraturan-peraturan;
- (b) meminjam wang;
- (c) mendapatkan pinjaman; dan
- (d) mana-mana fungsi atau kuasa yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada Lembaga,

tidak boleh diwakilkan kepada mana-mana orang, termasuklah orang yang dinyatakan dalam subseksyen (1).

(3) Lembaga boleh membenarkan mana-mana anggota Lembaga, Pengarah, pekerjaanya atau jawatankuasa untuk membelanjakan wang dari Kumpulan Wang Disatukan Lembaga, Kumpulan Wang Pembangunan Air atau sebarang wang lain di bawah kawalan Lembaga bagi amaun yang ditetapkan oleh Lembaga.

(4) Perwakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Lembaga daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri mana-mana fungsi, kewajipan atau kuasa yang diwakilkan itu pada bila-bila masa.

Kuasa menubuhkan syarikat

19. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, menubuh atau menganjurkan penubuhan atau pembesaran syarikat atau badan-badan lain untuk menjalankan aktiviti yang berhubung dengan fungsi dan kuasanya di bawah Enakmen sama ada di bawah kawalan atau separuh kawalan Lembaga sendiri.

(2) Ahli pengurusan syarikat atau badan lain yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) hendaklah mengandungi tidak kurang dari seorang anggota atau seorang pekerja Lembaga.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh, semasa memberi persetujuan di bawah subseksyen (1), mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkan sesuai.

(4) Syarikat atau badan lain yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) hendaklah membekalkan sebarang penyata, laporan, akaun dan maklumat kepada Pihak Berkuasa Negeri berhubung dengan harta dan kegiatannya apabila dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Bab 3

Pekerja Lembaga

Pelantikan Pengarah Lembaga Pengurusan Sumber Air Perak

20. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, melantik mana-mana orang daripada kalangan anggota perkhidmatan awam atau mana-mana orang yang difikirkan layak sebagai Pengarah Lembaga Pengurusan Sumber Air Perak atas apa-apa terma dan syarat.

(2) Pelantikan Pengarah di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan di dalam *Warta*.

(3) Jika pada sesuatu tempoh, Pengarah atas apa-apa sebab tidak boleh menjalankan kuasa dan tugas jawatannya, Lembaga boleh melantik orang lain yang layak dan wajar untuk melaksanakan mana-mana fungsi dan menjalankan mana-mana kuasa Pengarah.

Fungsi Pengarah

21. Pengarah hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang semunasabahnya perlu bagi atau bersampingan dengan penjalanan fungsinya dan khususnya bagi—

- (a) bertanggungjawab kepada Lembaga terhadap pentadbiran yang sempurna Enakmen ini;
- (b) bertindak atas apa-apa arahan yang diberi kepadanya oleh Lembaga yang selaras dengan Enakmen ini;
- (c) menyediakan dan menyelaras cadangan pembangunan yang berkaitan dengan pengurusan sumber air bersepadu;
- (d) melaksanakan kaji selidik, kajian dan mengumpul maklumat bagi penyelidikan sumber air dan merangka pelan pengurusan sumber air;

- (e) mengemukakan laporan berkala kepada Lembaga mengenai kedudukan dan keadaan sumber air di Negeri;
- (f) mengenal pasti kawasan tadahan sumber air dan menanda sempadan kawasannya;
- (g) mencadangkan kepada Lembaga tentang perisytiharan dan penandaan kawasan perlindungan;
- (h) menyediakan dan melaksanakan strategi dan pelan bagi penggunaan, pembangunan, pemuliharaan, pemulihan, pengurusan dan pengawalan sumber air;
- (i) menetapkan syarat, piawai, kriteria, garis panduan termasuk prosedur bagi pengurusan dan pengawalseliaan kerja yang berkaitan dengan kawasan tadahan, lembangan sungai, kawasan perlindungan, peralatan, pemasangan, empangan, takungan, loji, vesel dan struktur yang akan dibina, dikendalikan, ditinggalkan atau dilupuskan di mana-mana sumber air;
- (j) menyelaraskan aktiviti Pihak Berkuasa Awam dan pemegang taruh terhadap perkara yang berkaitan dengan pengurusan yang cekap, penggunaan mampan dan pemuliharaan sumber air;
- (k) menasihati Lembaga berkenaan dengan pemindahan air antara negeri;
- (l) menasihati Lembaga berkenaan dengan isu yang berkaitan dengan sumber air yang dikongsi antara negeri;
- (m) mengumpul, menyusun, menganalisis, menghimpun, menyenggara dan menyebarkan data dan maklumat yang dikehendaki;
- (n) menguatkuasakan Enakmen ini dan undang-undang bertulis lain yang berkaitan;
- (o) melaksanakan semua fungsi dan kuasa dan menjalankan semua tugas yang diberikan atau diwakilkan kepadanya di bawah atau berkenaan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkaitan; dan

- (p) menjalankan segala aktiviti lain sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga atau Pihak Berkuasa Negeri bagi maksud menjalankan atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi dan kuasanya di bawah Enakmen ini.

Perwakilan kuasa Pengarah

22. (1) Pengarah boleh, secara bertulis, mewakili mana-mana kuasa atau fungsi di bawah Enakmen ini kepada pegawai yang dilantik di bawah seksyen 23 atau mana-mana orang, tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Suatu perwakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Pengarah sendiri daripada menjalankan pada bila-bila masa, kuasa yang diwakilkan.

(3) Suatu perwakilan boleh dibatalkan atau diubah pada bila-bila masa oleh Pengarah.

Pelantikan pegawai dan pekerja lain

23. Lembaga boleh melantik, dengan terma dan syarat yang difikirkan patut, mana-mana pegawai dan pekerja lain untuk menjalankan peruntukan Enakmen ini.

Tatatertib dan surcaj

24. Lembaga hendaklah mempunyai kuasa tatatertib dan surcaj ke atas semua pegawai dan pekerja Lembaga dan hendaklah menjalankan kawalan tatatertib terhadap pegawai dan pekerja itu mengikut undang-undang berhubung tatatertib dan surcaj yang berkaitan.

Kuasa mengambil kerja ejen

25. Lembaga boleh mengambil kerja dan membayar apa-apa saraan atau elaun kepada ejen, penasihat teknikal termasuk perunding, peguambela dan peguamcara, juruukur atau penilai atau orang lain untuk melaksanakan fungsi dan kuasanya bagi maksud Enakmen ini.

BAHAGIAN III

KEWANGAN

Kumpulan Wang Disatukan Lembaga

26. (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Disatukan Lembaga” ditubuhkan dan hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Lembaga.

(2) Kumpulan Wang Disatukan Lembaga hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan;
- (b) semua fi, caj, wang selain daripada deposit atau harta lain yang dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak kepada Lembaga berhubung kuasa dan fungsinya di bawah Enakmen ini;
- (c) apa-apa jumlah wang yang dipinjam oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi tujuan memenuhi obligasi atau melaksanakan fungsi dan kuasanya;
- (d) wang yang diperolehi Lembaga daripada mana-mana projek, skim atau rancangan yang dibiayai melalui Kumpulan Wang ini;
- (e) wang yang diperolehi atau terbit daripada penjualan, pelupusan, pemajakan atau penyewaan, atau apa-apa urusan niaga lain mengenai, apa-apa harta, pelaburan, gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau yang terletak hak pada Lembaga;
- (f) bayaran royalti dari pelbagai aktiviti;
- (g) sumbangan daripada mana-mana orang atau badan yang diluluskan oleh Lembaga;
- (h) apa-apa kos yang dibayar kepada atau didapatkan oleh Lembaga dalam apa-apa penyelesaian tindakan atau prosiding; dan
- (i) segala wang lain yang diterima dengan sah oleh Lembaga.

(3) Kumpulan Wang Disatukan Lembaga hendaklah digunakan bagi maksud-maksud yang berikut:

- (a) menyediakan peruntukan tahunan kepada Kerajaan Negeri sebagaimana ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- (b) membayar gaji, elaun, faedah wang dan perbelanjaan lain anggota Lembaga, anggota jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Enakmen, pegawai dan pekerja Lembaga;
- (c) menyediakan peruntukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan Air sebagaimana difikirkan patut oleh Lembaga;
- (d) membayar apa-apa kos dan perbelanjaan lain yang ditanggung oleh Lembaga dalam menjalankan kuasa dan fungsinya di bawah Enakmen ini; dan
- (e) apa-apa perbelanjaan yang difikirkan patut oleh Lembaga.

Kumpulan Wang Pembangunan Air

27. (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Pembangunan Air” ditubuhkan dan hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Lembaga.

(2) Kumpulan Wang Pembangunan Air hendaklah terdiri daripada—

- (a) pinjaman dan pemberian daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan;
- (b) sumbangan daripada mana-mana orang atau badan yang diluluskan oleh Lembaga;
- (c) wang yang diterima daripada penguatkuasaan deposit;
- (d) apa-apa jumlah yang diterima oleh Lembaga menurut suatu dana, insentif atau skim pembangunan Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan; dan
- (e) dana daripada Kumpulan Wang Disatukan Lembaga.

(3) Kumpulan Wang Pembangunan Air hendaklah digunakan bagi maksud-maksud yang berikut:

- (a) menggalakkan, menganjurkan, menjalankan dan membiayai projek bagi—
 - (i) penambahbaikan kualiti sumber air;
 - (ii) pembinaan kerja bagi pengurusan sumber air; dan
 - (iii) mengembalikan dan memulihkan badan air dan ekosistem berkaitan; dan
- (b) memulihkan sumber air tercemar dan kesan buruk yang lain ke atas persekitaran air.

Kuasa meminjam

28. Lembaga boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, meminjam atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Lembaga untuk melaksanakan mana-mana fungsi dan kuasanya di bawah Enakmen ini.

Akaun dan laporan tahunan

29. (1) Tahun Kewangan Lembaga hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember bagi setiap tahun.

(2) Lembaga hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan akaun dan rekod-rekod lain yang sempurna berkenaan dengan perjalanan Kumpulan Wang Lembaga dan Kumpulan Wang Pembangunan Air dan hendaklah menyediakan penyata-penyata akaun berkenaan pada setiap tahun kewangan.

(3) Lembaga hendaklah tidak lewat daripada sembilan puluh hari bekerja selepas berakhirnya tahun kewangannya, menyebabkan akaun Kumpulan Wang Disatukan Lembaga dan Kumpulan Wang Pembangunan Air diauditkan oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit lain yang dilantik oleh Ketua Audit Negara.

(4) Pada akhir setiap tahun kewangan dan sebaik sahaja akaun Kumpulan Wang Disatukan Lembaga dan Kumpulan Wang Pembangunan Air telah diauditkan, Lembaga hendaklah menyebabkan satu salinan penyata akaun itu dikemukakan kepada

Pihak Berkuasa Negeri, berserta satu salinan pemerhatian yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atas mana-mana penyata akaun atau atas akaun-akaun amnya.

(5) Menteri Besar hendaklah mengarahkan satu salinan tiap-tiap penyataan bersama-sama dengan satu salinan apa-apa pandangan oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit lain yang dilantik di bawah subseksyen (3) mengenai mana-mana penyata atau akaun-akaun Lembaga dan satu salinan laporan tahunan dibentangkan dalam persidangan Dewan Negeri.

Siasatan terhadap akaun

30. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh pada bila-bila masa mengarah orang tertentu yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk membuat penyiasatan terhadap buku-buku, akaun dan transaksi Lembaga.

(2) Lembaga hendaklah memberi kepada orang itu akses kepada buku-buku, akaun dan dokumennya dan memberi apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh orang itu untuk menjalankan penyiasatan.

BAHAGIAN IV

PENGURUSAN DAN PERLINDUNGAN SUMBER AIR

Tanggungjawab bagi sumber air

31. (1) Pengarah hendaklah bertanggungjawab bagi semua perkara berkaitan dengan sumber air di dalam Negeri.

(2) Pengarah, bagi melaksanakan fungsinya dengan berkesan, boleh mengarah mana-mana orang atau operator swasta yang berkaitan dengan sumber air dalam Negeri itu untuk —

- (a) memberi bantuan dan maklumat dalam milikan mereka sepertimana yang diperlukan;
- (b) menggubal atau mengubah suai polisi, pelan, program atau strategi mereka agar selaras dengan Enakmen ini; dan
- (c) mengemukakan laporan yang mengandungi butiran dan maklumat sebagaimana yang dinyatakan oleh Pengarah yang berkaitan dengan kerja mereka.

Penyediaan pelan pengurusan sumber air bersepadu

32. (1) Pengarah hendaklah, selepas berunding dengan Lembaga, menyediakan suatu pelan pengurusan bagi semua sumber air dalam Negeri menurut keutamaan dan kawasan geografi sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Tiap-tiap pelan pengurusan hendaklah termasuk—

- (a) suatu pernyataan objektif pelan yang termasuklah penggunaan dan pemuliharaan mampan sumber air;
- (b) rujukan kepada polisi, rancangan dan pelan sedia ada termasuklah rancangan struktur, rancangan tempatan, pelan guna tanah, pelan pengurusan hutan dan pelan tempatan yang mempunyai kesan terhadap sumber air;
- (c) pengenalpastian dan persempadanan kawasan tadahan sumber air;
- (d) status kuantiti dan kualiti sumber air termasuklah keadaan semasa dan arah aliran pembangunan;
- (e) aktiviti dan pembangunan yang secara ketara mempengaruhi kemampanan, kuantiti dan kualiti sumber dan penilaian kesannya;
- (f) objektif kuantiti dan kualiti bagi sumber air;
- (g) strategi dan langkah-langkah bagi pengurusan sumber air termasuklah perlindungan, pemuliharaan, pemulihan, pembangunan dan penggunaan sumber air;
- (h) bidang keberhasilan utama dan penunjuk prestasi bagi pencapaian objektif dan pelaksanaan langkah-langkah yang dicadangkan di bawah pelan pengurusan;
- (i) pengenalpastian kawasan perlindungan yang dirujuk dalam seksyen 36;
- (j) penyelarasan pengurusan sumber air bersepadu antara Pihak Berkuasa Awam; dan
- (k) apa-apa perkara lain yang perlu untuk dimasukkan.

(3) Suatu pelan pengurusan, setelah diluluskan oleh Lembaga dan dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri, hendaklah sah untuk tempoh selama sepuluh tahun.

(4) Pengarah hendaklah, sekurang-kurangnya satu tahun sebelum tamat tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (3), melaksanakan kajian semula pelan pengurusan dan dengan kelulusan Lembaga, mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk persetujuan.

(5) Walau apa pun jua subseksyen (3) dan (4), pelan pengurusan boleh dikaji semula, diubah, dipinda atau diganti dengan suatu pelan pengurusan baharu pada bila-bila masa sebagaimana yang Pihak Berkuasa Negeri fikirkan patut.

Pelaksanaan pelan pengurusan

33. (1) Jika suatu pelan pengurusan telah dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri, tiap-tiap Pihak Berkuasa Awam yang berkaitan hendaklah mengambil tindakan untuk melaksanakan langkah-langkah pelan pengurusan tersebut yang menghendaki tindakan oleh agensi masing-masing, dan hendaklah menjalankan fungsinya mengikut cara yang memberi kesan kepada objektif pelan pengurusan tersebut.

(2) Jika Lembaga mengenal pasti kurang perkembangan dalam pelaksanaan pelan pengurusan, Lembaga boleh mengesyorkan kepada Pihak Berkuasa Awam yang berkaitan untuk mengambil tindakan atau langkah-langkah yang perlu sebagaimana yang difikirkannya patut.

Pelan pengurusan sumber air antara negeri

34. (1) Pengarah hendaklah, jika mana-mana sumber air tidak terletak secara keseluruhannya dalam Negeri itu, melaksanakan penyediaan pelan pengurusan secara bersama dan rundingan dengan Negeri yang berkenaan.

(2) Pengarah hendaklah berunding dengan Lembaga dalam menyediakan pelan pengurusan di bawah subseksyen (1).

(3) Jika Negeri-Negeri tidak dapat menyelesaikan apa-apa pertikaian atau perbalahan dalam penyediaan pelan pengurusan di bawah subseksyen (1), Lembaga boleh merujuk perkara itu kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk diselesaikan.

(4) Apa-apa pelan pengurusan yang dipersetujui di bawah subseksyen (3) hendaklah dilaksanakan oleh semua Negeri itu di mana sumber air itu terletak.

(5) Walau apa pun di atas, pelan pengurusan yang dipersetujui di bawah seksyen ini hanya boleh dilaksanakan di Negeri ini setelah mendapat kebenaran dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Arahan menghentikan kerja

35. (1) Sekiranya pada pendapat Pengarah, mana-mana kerja, struktur atau bangunan, di dalam sumber air atau di dalam kawasan tadahannya yang telah atau boleh menyebabkan pengurangan kepada isipadu atau aliran air, kemerosotan kualiti air atau mempunyai kesan buruk kepada penggunaan air dan pemuliharaan sumber air, Pengarah boleh mengarahkan orang yang melaksanakan kerja itu atau pemunya atau penghuni struktur atau bangunan untuk—

- (a) mengubah suai atau memberhentikan kerja itu;
- (b) mengubah suai, menempatkan semula, mengalihkan atau merobohkan struktur atau bangunan itu; atau
- (c) mengambil tindakan lain yang Pengarah fikirkan perlu untuk melindungi dan menghalang pencemaran atau mudarat atau apa-apa ancaman pencemaran atau mudarat kepada sumber air.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi arahan yang dibuat di bawah subseksyen (1), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(3) Apa-apa kos atau perbelanjaan yang ditanggung dalam melaksanakan arahan di bawah subseksyen (1) hendaklah ditanggung oleh orang itu.

Pengisytiharan kawasan perlindungan

36. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta* mengisytiharkan mana-mana kawasan tanah atau badan air atau sebahagiannya sebagai kawasan perlindungan, termasuklah—

- (a) rizab sungai;

- (b) kawasan pemuliharaan sumber air;
- (c) rizab pesisir;
- (d) kawasan tadahan;
- (e) dataran banjir;
- (f) kawasan tanah bermasalah;
- (g) kawasan pengambilan air; atau
- (h) medan telaga air tanah.

(2) Tiap-tiap perisytiharan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah—

- (a) menentukan sempadan kawasan perlindungan;
- (b) menerangkan secara ringkas tujuan pengisytiharan kawasan itu;
- (c) menerangkan terma, syarat dan sekatan yang terpakai kepada kerja-kerja dalam kawasan itu; dan
- (d) menerangkan jenis kerja yang dilarang.

(3) Mana-mana orang atau Pihak Berkuasa Awam yang menjalankan apa-apa kerja dalam kawasan perlindungan termasuklah pemberimilikan, pecah bahagi, pecah sempadan, penyatuan, pengelasan atau pengubahan guna tanah dan penyediaan rancangan struktur dan rancangan tempatan hendaklah berunding dengan dan mendapatkan nasihat Pengarah sebelum permulaan kerja itu.

(4) Pengarah boleh mengarahkan orang yang menjalankan kerja dalam kawasan perlindungan atau kawasan tadahan yang bersebelahan dengan kawasan perlindungan atau pemunya atau penghuni mana-mana premis, tanah atau struktur untuk—

- (a) mengubah suai, menempatkan semula atau memberhentikan kerja;
- (b) mengubah suai, menempatkan semula atau mengalihkan struktur atau bangunan itu;
- (c) memberhentikan pengalihan atau pelonggokan apa-apa sumber atau bahan;

- (d) mengambil langkah untuk memperlahankan, mengurangkan atau menghalang air, efluen, sisa atau apa-apa bahan lain daripada dilepaskan atau dialirkan ke dalam kawasan perlindungan;
- (e) menghentikan pembersihan tumbuhan, pokok dan tumbuhan riparian dan menghendaki penanaman jenis tumbuhan yang khusus;
- (f) membuat penilaian kesan alam sekeliling daripada kerja yang dicadangkan dan untuk melaksanakan langkah-langkah bagi mencegah, mengurang, meredakan atau mengawal apa-apa kesan yang menjejaskan sumber air yang dikenal pasti;
- (g) mengembalikan dan memulihkan kawasan perlindungan kepada keadaan sebagaimana ditentukan oleh Pengarah; dan
- (h) mengambil langkah-langkah lain sebagaimana yang Pengarah boleh tentukan untuk menghalang kemerosotan sumber air.

(5) Sesiapa yang tidak mematuhi sebarang arahan yang dibuat di bawah subseksyen (4), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

(6) Sebarang struktur atau bangunan yang dibina atau didirikan berlawanan dengan seksyen ini boleh dialih atau menyebabkan untuk dialih melalui arahan Pengarah dan kos pengalihan itu hendaklah ditanggung oleh orang itu.

(7) Pihak Berkuasa Negeri boleh, atas nasihat Lembaga, mengecualikan seksyen ini kepada mana-mana kawasan tanah atau badan air atau sebahagiannya yang telah diwartakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

Pengurusan air larian hujan

37. (1) Mana-mana orang yang menjalankan apa-apa kerja pembangunan di atau bersebelahan mana-mana sumber air, sama ada komersil, perumahan, perindustrian atau pertanian selain pertanian sara diri, perlu mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan kesan negatif kepada aliran puncak air hujan, hakisan tanah, kelodakan atau pencemaran sumber air.

(2) Orang yang menjalankan kerja pembangunan di bawah subsekyen (1) hendaklah juga mengemukakan kepada Pengarah—

- (a) suatu pelan kerja tanah;
- (b) suatu Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak;
- (c) suatu pelan susun atur saliran yang menerangkan cadangan langkah di tapak untuk mengawal dan mengurangkan apa-apa kesan buruk akibat aliran puncak air hujan daripada tanah; dan
- (d) suatu laporan berkenaan saliran mampan yang mengandungi suatu pengiraan sumbangan pembangunan dan kerja yang dicadangkan terhadap aliran puncak air larian hujan dan hasil kelodak dari tanah.

(3) Tiap-tiap pelan dan laporan yang disediakan di bawah subseksyen (2) hendaklah mematuhi manual, prosedur, piawaian dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Pengarah.

(4) Setelah pemeriksaan butir-butir yang dikemukakan di bawah subseksyen (2), Pengarah hendaklah mengeluarkan ulasan secara bertulis tentang kerja itu kepada Pihak Berkuasa Awam berkenaan, yang mana ulasan itu boleh termasuk pengesyoran kepada Pihak Berkuasa Awam berkenaan bagi kelulusan atau penolakan permohonan itu atau untuk mengenakan apa-apa terma dan syarat atas kelulusan yang dikeluarkan olehnya.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) dan (2) melakukan kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Pengurusan sumber air semasa banjir dan kemarau

38. Pengarah hendaklah mengambil langkah-langkah yang difikirkan patut bagi pengawalan dan pengurusan sumber air semasa banjir dan kemarau termasuklah—

- (a) penerimgunaan langkah-langkah mitigasi untuk mengurangkan kesan banjir atau kemarau kepada sumber air;

- (b) pelaksanaan arahan, garis panduan, piawaian dan manual; atau
- (c) perkara lain sebagaimana yang perlu bagi kawalan dan pengurusan banjir atau kemarau yang sewajarnya.

Tindakan semasa banjir dan kemarau

39. (1) Semasa berlakunya banjir atau kemarau, Pengarah hendaklah mengumpul, menyusun, menganalisis, menghimpun, menyenggara dan menyebarkan data dan maklumat untuk menentukan—

- (a) keterukan dan magnitud banjir atau kemarau itu; dan
- (b) kawasan sebenar dan kawasan yang diramalkan terjejas akibat banjir atau kemarau itu.

(2) Selepas mengesahkan maklumat yang dikumpulkan di bawah subseksyen (1), Pengarah hendaklah menasihatkan Pihak Berkuasa Negeri berkenaan strategi atau tindakan yang perlu diambil bagi meminimumkan risiko dan kesan banjir atau kemarau.

(3) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), sekiranya terdapat bahaya banjir atau kemarau yang akan melanda dan Pengarah berpuas hati bahawa adalah perlu untuk mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan bencana atau mengurangkan kerosakan yang boleh disebabkan oleh banjir atau kemarau itu, Pengarah boleh—

- (a) memasuki tanah, bangunan atau premis yang dikehendakinya;
- (b) mengguna atau menyebabkan untuk digunakan atau direkuisisi mana-mana tanah, batu-batan, pokok atau bahan lain, kenderaan, haiwan atau peralatan;
- (c) melupuskan, memindahkan atau memusnahkan atau menyebabkan untuk dilupuskan, dipindahkan atau dimusnahkan mana-mana kerja-kerja, struktur atau halangan; dan
- (d) menghendaki orang tertentu sebagaimana yang Pengarah fikirkan perlu untuk membantunya.

Tindakan lanjut semasa kemarau

40. (1) Jika berlakunya kekurangan sumber air yang serius di mana-mana kawasan atau terdapat ancaman sumber bekalan air akan berlaku, Pengarah boleh, melalui perintah secara bertulis—

- (a) mengarah mana-mana orang untuk mengabstrak air daripada mana-mana sumber air atau melepaskan air ke mana-mana tempat sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam perintah itu;
- (b) melarang atau menghad pengabstrakan air oleh mana-mana orang daripada mana-mana sumber air kepada mana-mana orang, kumpulan orang atau kawasan sebagaimana yang dinyatakan di dalam perintah itu;
- (c) mengarah mana-mana orang untuk melaksanakan apa-apa kerja yang diperlukan bagi pelaksanaan apa-apa tugas atau pelaksanaan apa-apa kuasa yang dikenakan atau diberikan melalui perintah itu; atau
- (d) menggantung, mengubah atau mengubah suai apa-apa sekatan atau obligasi berkenaan dengan pengabstrakan air.

(2) Pengarah boleh meminda atau menarik balik mana-mana perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) dengan syarat dan bagi tempoh masa tertentu sebagaimana yang ditentukan olehnya.

(3) Mana-mana orang yang melanggar apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) melakukan kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi tempoh tujuh tahun atau kedua-duanya.

Mitigasi pencemaran air akibat kemalangan

41. (1) Jika berlakunya pencemaran sumber air yang disebabkan oleh suatu kemalangan yang mengakibatkan atau meningkatkan risiko pencemaran sebarang sumber air, orang yang terlibat hendaklah dengan segera mengambil langkah-langkah yang perlu untuk meminimumkan kesan atau risiko pencemaran kepada sumber air dan hendaklah dalam tempoh dua puluh empat jam, memaklumkan kepada Pengarah atau Pihak Berkuasa Awam yang berkenaan.

(2) Pengarah hendaklah mengambil tindakan sebagaimana yang difikirkannya patut untuk menangani ancaman pencemaran yang dinyatakan di dalam subseksyen (1) dan boleh, bagi tujuan mendapatkan bantuan, mengeluarkan suatu arahan bertulis kepada mana-mana orang untuk membantunya untuk berbuat sedemikian.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Kawalan pembaziran air

42. (1) Pengarah boleh mengeluarkan apa-apa arahan secara bertulis kepada mana-mana orang untuk mengambil langkah yang bersesuaian bagi mengelakkan pembaziran atau penggunaan tidak wajar ke atas air yang diambil daripada suatu sumber air itu.

(2) Mana-mana orang yang gagal untuk mematuhi arahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Tindakan pemulihan sumber air

43. (1) Jika apa-apa perintah atau arahan dibuat di bawah Enakmen ini tidak dipatuhi oleh sesiapa yang mana perintah atau arahan itu ditujukan, Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pengarah, boleh bagi maksud menguatkuasakan perintah atau arahan itu—

- (a) memasuki tapak kerja itu, dan setakat yang perlu untuk mendapatkan akses kepada tapak kerja itu, memasuki premis atau tanah yang bersebelahan;
- (b) menjalankan atau menyebabkan untuk dijalankan langkah-langkah atau kerja yang dinyatakan dalam perintah atau arahan itu; dan
- (c) mengambil apa-apa tindakan lain sebagaimana yang perlu atau mustahak untuk menguatkuasakan perintah atau arahan itu.

(2) Apa-apa kos atau perbelanjaan yang ditanggung dalam menjalankan tindakan pemulihan menurut subseksyen (1) boleh didapatkan kembali sebagai hutang kena dibayar kepada Lembaga daripada orang yang bertanggungjawab bagi ketidakpatuhan atau pelanggaran yang dinyatakan.

(3) Suatu perakuan daripada Pengarah yang menyatakan bahawa—

- (a) orang yang dinamakan dalam perakuan itu sebagai orang yang bertanggungjawab bagi ketidakpatuhan atau pelanggaran perintah atau arahan itu hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bagi maksud apa-apa prosiding di bawah seksyen ini; dan
- (b) kos dan perbelanjaan yang ditanggung sebagaimana yang dinyatakan dalam perakuan itu hendaklah menjadi bukti muktamad jumlah yang kena dibayar dan tidak tertakluk kepada rayuan dalam mana-mana Mahkamah.

Larangan pencemaran sumber air

44. (1) Tiada seorang pun boleh menyebabkan kemasukan atau pelepasan apa-apa pencemar ke dalam—

- (a) mana-mana sumber air; atau
- (b) mana-mana tanah dalam keadaan yang boleh menyebabkan apa-apa pencemar memasuki sumber air,

melainkan jika dia memegang suatu lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen ini.

(2) Permohonan lesen di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat kepada Pengarah dalam borang berserta fi sebagaimana ditetapkan.

(3) Jika apa-apa kemasukan atau pelepasan dalam subseksyen (1) telah dilakukan tanpa lesen, pemunya atau penghuni premis atau tanah daripada mana kemasukan atau pelepasan itu berasal hendaklah dianggap telah menyebabkan kemasukan atau pelepasan itu melainkan dibuktikan sebaliknya.

(4) Apabila mempertimbangkan pemberian lesen di bawah subseksyen (1), Pengarah hendaklah—

- (a) berunding dan mendapatkan maklum balas daripada mana-mana Pihak Berkuasa Awam atau mana-mana pihak yang difikirkan perlu;
- (b) memastikan bahawa pelepasan yang dibenarkan tidak akan menjadi apa-apa ancaman kepada atau kesan ke atas kualiti, kuantiti atau aliran air atau sumber dalam sumber air;
- (c) mengambil kira kriteria kualiti air yang berkenaan, syarat dan objektif yang dinyatakan dalam pelan pengurusan yang terpakai atau sebaliknya sebagaimana yang dinyatakan oleh Enakmen ini;
- (d) mengambil kira kesan kumulatif semua pelepasan ke dalam air yang menerima; dan
- (e) mengambil kira sebarang piawaian, kriteria, manual dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Awam yang bersesuaian.

(5) Tiap-tiap Pihak Berkuasa Awam yang mengeluarkan lesen bagi pelepasan pencemar ke dalam mana-mana sumber air hendaklah berunding dengan Pengarah semasa mempertimbangkan permohonan lesen tersebut.

(6) Jika pencemaran sumber air berlaku disebabkan oleh sebarang kerja, mana-mana pemegang lesen, orang, pemunya atau penghuni yang melaksanakan kerja atau bertanggungjawab bagi kerja itu hendaklah dengan serta-merta memaklumkan Pengarah dan dengan sendirinya mengambil semua langkah yang munasabah untuk meremеди dan memitigasi kesan buruk pencemaran sumber air tersebut.

(7) Pengarah boleh mengeluarkan notis menghendaki pemegang lesen, orang, pemunya atau penghuni mengambil semua langkah yang munasabah untuk meremеди dan memitigasi kesan buruk pencemaran sumber air dan kegagalan mematuhi notis adalah suatu kesalahan di bawah Enakmen ini.

(8) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sejuta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN V

PENGUNAAN SUMBER AIR DAN PELESENAN

Bab 1

Penggunaan sumber air

Hak terhadap air bagi maksud sara diri

45. (1) Pemunya atau penghuni mana-mana premis atau tanah boleh, tanpa lesen atau bayaran caj, mengabstrak air secukupnya bagi penggunaan isi rumah dan pertanian sara diri daripada air tanah yang berada di bawah premis atau tanahnya atau daripada mana-mana sumber air yang menghadap premis atau tanah yang dipunyai atau dihuni olehnya, dengan syarat bahawa—

- (a) ia tidak menyebabkan halangan kepada atau lencongan yang ketara terhadap aliran air dalam sungai atau badan air;
- (b) bagi maksud kegunaan pertanian sara diri, jumlah yang diabstrak dalam satu hari hendaklah tidak melebihi lima belas ribu liter setiap seorang atau suatu jumlah lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa; dan
- (c) bagi maksud kegunaan isi rumah, jumlah yang diabstrak dalam satu hari hendaklah tidak melebihi dua ribu lima ratus liter setiap seorang atau suatu jumlah lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa.

(2) Pengecualian di bawah subseksyen (1) hendaklah tidak terpakai sekiranya Pengarah menentukan bahawa pengabstrakan itu menimbulkan ancaman yang serius kepada ketersediaan atau kualiti air atau kepada persekitaran air.

(3) Pengarah boleh mengarahkan mana-mana orang yang melaksanakan hak yang diberi di bawah seksyen ini untuk—

- (a) memasang dan mengendalikan suatu alat untuk mengawal selia atau memantau penggunaan air; atau
- (b) mengambil langkah-langkah yang Pengarah fikirkan perlu untuk tujuan mengawal selia atau mengawasi pengaliran air dan dikendalikan mengikut masa dan tatacara yang ditentukan oleh Pengarah.

(4) Pengarah boleh menangguhkan atau menyekat aliran hak air persendirian, sebagaimana masa yang ditetapkan—

- (a) jika air itu disalahgunakan atau digunakan dengan cara yang memberi ancaman kepada ketersediaan atau kualiti air atau kuantiti air atau kepada persekitaran air; atau
- (b) di mana arahan oleh Pengarah di bawah seksyen ini tidak dipatuhi, dengan menghantar kepada orang yang menjalankan hak itu suatu pemberitahuan mengarahkan orang itu bertindak menurut arahan Pengarah.

Pemasangan dan pengendalian sukatan air

46. (1) Bagi menyukat kuantiti dan kualiti air, Pengarah boleh menghendaki pemunya atau penghuni premis dan mana-mana orang yang mengguna, melepaskan ke dalam atau mengganggu aliran air atau sebarang sumber air untuk—

- (a) memasang dan mengendali apa-apa jenis alat pengukuran atau perekodan yang diluluskan oleh Pengarah;
- (b) memasang dan mengendali apa-apa jenis peralatan termasuklah peralatan bagi pengawalan, pensampelan, pemancaran atau amaran yang diluluskan oleh Pengarah;
- (c) mengemukakan apa-apa maklumat dan data berkenaan dengan apa-apa kerja dalam tempoh berkala yang ditetapkan sebagaimana yang diarahkan secara bertulis oleh Pengarah; dan

- (d) melantik, dengan kebenaran Pengarah, mana-mana juruaudit luar atau orang perseorangan yang berkecuali untuk memeriksa, mengesah, menentu ukur dan memperakui kepada Pengarah bahawa peralatan, pengukuran atau perekodan di bawah perenggan (a) dan (b) dijalankan menurut piawaian yang ditetapkan dan maklumat yang diberikan di bawah perenggan (c) adalah tepat,

dan kos pelaksanaan arahan Pengarah tersebut hendaklah ditanggung oleh pemunya atau penghuni mana-mana premis dan mana-mana orang yang mengguna, melepaskan ke dalam atau mengganggu aliran air atau mana-mana sumber air itu.

(2) Mana-mana orang yang, tanpa kebenaran Pengarah, mengusik, melaras atau mengubah atau mengganggu operasi apa-apa peralatan, meter atau persampelan lain, atau alat perekodan yang telah dipasang atau disebabkan untuk dipasang oleh Pengarah, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Kuasa mengenakan caj, dsb.

47. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, atas nasihat Lembaga, melalui pemberitahuan di dalam *Warta*, menetapkan caj, bayaran atau sumbangan yang perlu dibayar oleh mana-mana orang bagi—

- (a) penggunaan air di atau dari mana-mana sumber air; atau
- (b) apa-apa pelepasan atau pembuangan air, bahan buangan, kumbahan atau apa-apa bahan pencemar ke dalam mana-mana sumber air atau sistem saliran yang dibenarkan di bawah Enakmen.

(2) Pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1), Pihak Berkuasa Negeri boleh mengambil kira perkara-perkara berikut:

- (a) pembangunan dan penggunaan sumber air secara mampan;
- (b) kos operasi, kawalan, pelan dan program;
- (c) pembahagian air yang adil dan saksama;

- (d) penerimgunaan langkah pencegahan dan mitigasi untuk mengawal kesan kerja kepada sumber air;
- (e) kos pemuliharaan dan pemulihan mana-mana sumber air; dan
- (f) apa-apa perkara lain yang Pihak Berkuasa Negeri fikirkan suai manfaat kepada sumber air.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh, atas nasihat Lembaga, mengecualikan mana-mana orang atau kumpulan orang yang memohon secara bertulis, daripada semua atau sebahagian caj, bayaran atau sumbangan dan boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(4) Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan kaedah pembayaran caj, bayaran atau sumbangan yang ditetapkan di bawah subseksyen (1).

(5) Pengarah boleh, membuat anggaran jumlah air yang digunakan, dikembalikan atau dilepaskan sekiranya—

- (a) jumlah air tersebut belum diukur; atau
- (b) mana-mana alat yang digunakan untuk mengukur gagal menentukan jumlah secara tepat,

dan orang itu hendaklah membayar caj, bayaran atau sumbangan yang terpakai untuk jumlah yang dianggarkan.

(6) Sekiranya apa-apa caj, bayaran atau sumbangan di bawah subseksyen (1) yang dikenakan masih belum dibayar dan tertunggak dalam tempoh yang ditetapkan, Pengarah boleh mengambil langkah yang difikirkannya perlu untuk menghentikan penggunaan atau pelepasan air, sisa, efluen atau pencemar, mengikut mana yang berkenaan.

(7) Seseorang yang gagal untuk membayar caj, bayaran atau sumbangan yang dikenakan di bawah seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sejuta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(8) Walau apa pun subseksyen (7), apa-apa caj, bayaran atau sumbangan yang masih belum dibayar dan tertunggak boleh dituntut sebagai hutang yang terakru kepada Lembaga melalui tindakan sivil dalam Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten.

(9) Semua jumlah wang yang diterima di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Lembaga.

Kecekapan penggunaan sumber air

48. (1) Pengarah boleh membangunkan dan melaksanakan amalan-amalan cekap bagi pemuliharaan dan penggunaan mampan sumber air.

(2) Pengarah hendaklah, dalam membangunkan dan melaksanakan amalan-amalan cekap, mengambil kira antara lain perkara-perkara berikut:

- (a) ketersediaan sumber dan hasil mampan;
- (b) apa-apa pelan pengurusan yang dibuat di bawah seksyen 32;
- (c) kemarau, banjir atau perubahan lain termasuklah kesan perubahan iklim;
- (d) faktor ekonomi, sosial dan kesihatan yang memberi kesan kepada manusia;
- (e) kemajuan teknologi;
- (f) masa, personel, kos dan pembiayaan; dan
- (g) pelan, program, garis panduan, piawaian, kriteria, prosedur dan metodologi yang dicadangkan oleh Pengarah Pengairan dan Saliran dan mana-mana Pihak Berkuasa Awam yang bersesuaian.

(3) Pengarah boleh, dengan notis bertulis, menghendaki mana-mana orang untuk menerima guna dan melaksana amalan-amalan cekap sebagaimana yang ditentukan menurut subseksyen (1).

Kawalan penggunaan sumber air

49. (1) Tertakluk kepada seksyen 45, tiada seorang pun dibenarkan untuk menggunakan sumber air Negeri bagi sebarang aktiviti termasuklah—

- (a) mengabstrak air daripada mana-mana sumber air menurut seksyen 50;
- (b) melencong, mengganggu atau menghalang aliran semula jadi air menurut seksyen 51;
- (c) mengendalikan sebarang vesel atau navigasi di mana-mana sumber air menurut seksyen 52;
- (d) menjalankan sebarang aktiviti rekreasi atau riadah atas atau dalam mana-mana sungai atau badan air menurut seksyen 53;
- (e) menstor air yang berpunca daripada mana-mana sumber air;
- (f) memindahkan air yang telah disimpan stor kepada mana-mana orang lain;
- (g) mengubah dasar, tebing, aliran, pesisir atau ciri-ciri sumber air;
- (h) menjalankan aktiviti penggerudian bagi tujuan eksplorasi air tanah;
- (i) membina, mengekal atau mengendali jambatan, jeti atau pelantar pendaratan di atas atau bersebelahan dengan mana-mana sumber air;
- (j) mengembalikan air yang telah digunakan ke dalam mana-mana sumber air;
- (k) melepaskan sisa atau air yang mengandungi sisa ke dalam sumber air melalui parit, paip, terusan, saluran kumbahan, betung alur keluar atau conduit lain; dan
- (l) melupuskan dengan apa-apa cara, air yang mengandungi sisa daripada, atau yang telah dipanaskan dalam apa-apa proses industri atau penjanaan kuasa, ke dalam sumber air,

kecuali dibenarkan secara nyata melalui suatu lesen yang dikeluarkan oleh Pengarah di bawah seksyen ini.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai —

- (a) dalam situasi kecemasan yang memerlukan penggunaan sumber air bagi maksud keselamatan awam, yang mana orang atau kumpulan orang yang berkaitan mestilah mengemukakan suatu laporan bertulis kepada Pengarah berkaitan kecemasan itu tidak lebih dari tiga puluh hari ianya berlaku; dan
- (b) kepada Pihak Berkuasa Awam yang menjalankan kuasanya di bawah undang-undang.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), Pihak Berkuasa Negeri boleh mengecualikan mana-mana orang atau sebarang aktiviti daripada apa-apa kehendak lesen di bawah Enakmen ini dan orang itu hendaklah mematuhi tanggungjawab seolah-olah dia ialah pemegang lesen di bawah Enakmen ini.

(4) Dalam penjalanan kuasa yang diperuntukkan di bawah subseksyen (1), Pengarah hendaklah mengambil kira pembangunan mampan, penggunaan dan pemuliharaan sumber air bagi melindungi dan mengawal sumber air.

(5) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1)(a), (b), (c), (d), (e), (f), (g), (h) atau (i) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

(6) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1)(j), (k), atau (l) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sejuta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Pengabstrakan air

50. (1) Tiada seorang pun boleh mengabstrak air daripada mana-mana sumber air melainkan jika dia memperoleh suatu lesen yang dikeluarkan oleh Pengarah di bawah seksyen 49.

(2) Suatu lesen bagi mengabstrak air hanya boleh diberikan apabila pengabstrakan tidak—

- (a) menimbulkan apa-apa ancaman ke atas kualiti, kuantiti, aliran air atau persekitaran air; atau
- (b) bercanggah dengan mana-mana pelan pengurusan di bawah Enakmen ini.

(3) Jika Pengarah mengesyaki bahawa mana-mana orang melanggar seksyen ini, Pengarah boleh memberikan arahan untuk memberhentikan pengabstrakan air daripada mana-mana sumber air dengan serta-merta.

Lencongan, dsb., aliran air

51. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan kerja yang akan melencong, mengganggu atau menghalang aliran semula jadi air dalam mana-mana sumber air melainkan jika dia terlebih dahulu memperoleh suatu lesen yang dikeluarkan oleh Pengarah di bawah seksyen 49.

(2) Tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa kerja melencong, mengganggu atau menghalang air dari sumber air untuk menjana tenaga elektrik melainkan jika dia terlebih dahulu memperoleh suatu lesen yang dikeluarkan oleh Pengarah dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

(3) Mana-mana orang, sebelum membuat permohonan bagi lesen di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain berkaitan perlombongan yang mengakibatkan atau mungkin mengakibatkan lencongan, halangan atau gangguan ke atas sumber air, hendaklah mengemukakan —

- (a) kepada Pengarah butiran cadangan kerja yang ingin dilaksanakan; dan
- (b) hasil kajian oleh pakar yang boleh diterima oleh Pengarah menunjukkan bahawa kerja itu adalah mampan.

(4) Setelah pemeriksaan butiran yang dikemukakan di bawah subseksyen (3), Pengarah hendaklah mengeluarkan ulasan secara bertulis tentang kerja itu kepada Pihak Berkuasa Awam, yang mana ulasan itu boleh termasuk pengesyoran kepada Pihak

Berkuasa Awam bagi kelulusan atau penolakan permohonan itu atau kelulusan berserta syarat yang perlu dimasukkan ke dalam lesen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa itu.

(5) Jika berlaku apa-apa lencongan, gangguan atau halangan yang mengganggu aliran semula jadi air dalam mana-mana sumber air, pemunya atau penghuni tanah itu hendaklah dianggap telah membuat lencongan, gangguan atau halangan itu melainkan jika pemunya atau penghuni tanah dapat membuktikan yang sebaliknya.

Kawalan navigasi di jalan air pedalaman Negeri

52. (1) Tiada seorang pun boleh mengendalikan vesel atau membuat navigasi di mana-mana sumber air di jalan air pedalaman Negeri melainkan jika dia terlebih dahulu memperoleh suatu lesen yang dikeluarkan oleh Pengarah di bawah seksyen 49.

(2) Pengarah boleh menetapkan bagi sebarang vesel, berhubungan dengan mana-mana sumber air—

- (a) jenis atau kelas vesel yang boleh digunakan;
- (b) kelajuan maksimum;
- (c) drauf yang dibenarkan;
- (d) caj untuk pendaftaran vesel itu dan untuk apa-apa perkhidmatan yang dibekalkan; dan
- (e) apa-apa pemasangan atau peralatan dan keperluan operasi untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan perlindungan sumber air.

(3) Tiada seorang pun boleh, tanpa kebenaran yang sah di sisi undang-undang, membuang apa-apa bahan buangan dari suatu vesel atau menyebabkan apa-apa bahan pencemar berbahaya tertumpah atau terlepas dari suatu vesel dengan cara yang mencemarkan atau berkemungkinan mencemarkan sumber air.

(4) Pengarah boleh mengkehendaki sesuatu vesel untuk dipasang dengan kemudahan menyimpan dan pembuangan bahan buangan secara selamat dan kemudahan bagi tujuan yang sama dipasangkan di atas tanah.

(5) Bagi maksud seksyen ini, “jalan air pedalaman” ertinya mana-mana tasik, tanah perairan, terusan, sungai atau sumber air di luar kawasan had pelabuhan yang diisytiharkan dalam *Warta* oleh Menteri di bawah *Merchant Shipping Ordinance 1952* [Ordinan 70/1952].

(6) Kehendak pelesenan di bawah subseksyen (1) bolehlah dikecualikan bagi pengendalian atau navigasi—

- (a) vesel jabatan kerajaan;
- (b) vesel penangkapan ikan bermotor atau yang tidak bermotor tidak melebihi empat puluh tanan berdaftar kasar; atau
- (c) apa-apa vesel atau navigasi yang dikecualikan secara bertulis oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Kawalan aktiviti rekreasi

53. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan sebarang aktiviti rekreasi atau riadah atas atau dalam mana-mana sungai atau badan air yang boleh mengubah atau menjejaskan aliran, kuantiti atau kualiti sumber air melainkan jika dia terlebih dahulu memperoleh suatu lesen yang dikeluarkan oleh Pengarah di bawah seksyen 49.

(2) Peruntukan subseksyen (1) tidak terpakai kepada apa-apa aktiviti rekreasi atau riadah bagi tujuan sara diri.

Bab 2

Pelesenan

Permohonan lesen

54. (1) Permohonan bagi suatu lesen di bawah Enakmen ini hendaklah dibuat kepada Pengarah dalam borang berserta fi sebagaimana ditetapkan.

(2) Suatu permohonan di bawah seksyen ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum permohonan itu diluluskan atau ditolak.

Maklumat atau dokumen tambahan

55. (1) Pengarah boleh, pada bila-bila masa selepas menerima permohonan di bawah seksyen 54, meminta pemohon supaya memberi, dalam tempoh yang ditetapkan, maklumat atau dokumen tambahan mengenai permohonan itu.

(2) Jika maklumat atau dokumen tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) tidak diberikan oleh pemohon dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pengarah atau sebarang pelanjutan masa yang diberikan oleh Pengarah, permohonan itu hendaklah disifatkan ditarik balik dan tidak lagi diteruskan, tanpa menjejaskan hak pemohon untuk membuat permohonan baharu.

Deposit

56. (1) Sebelum pengeluaran atau pembaharuan lesen, Pengarah boleh menghendaki pemohon untuk mendepositkan sejumlah wang sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah bagi tujuan memastikan pematuhan terma dan syarat lesen dan Enakmen ini.

(2) Jika deposit di bawah subseksyen (1) tidak didepositkan dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan oleh Pengarah, tiada lesen boleh dikeluarkan atau diperbaharui di bawah Bab ini.

(3) Jika Pengarah beranggapan bahawa pemegang lesen itu telah melanggar sebarang syarat lesen atau sebarang peruntukan Enakmen ini, Pengarah boleh, melalui notis yang dikeluarkan kepada pemegang lesen, menghendaki pemegang lesen itu untuk memperbaiki atau meremеди pelanggaran atau keingkaran yang dinyatakan dalam notis itu dalam tempoh yang ditetapkan.

(4) Jika pemegang lesen gagal untuk memperbaiki atau meremеди pelanggaran atau keingkaran yang dinyatakan dalam notis itu, Pengarah hendaklah merampas sebahagian atau kesemua deposit tanpa menjejaskan kuasa Pengarah berhubung dengan pembatalan suatu lesen masing-masing di bawah seksyen 63 Enakmen ini.

(5) Tertakluk kepada subseksyen (1), deposit yang dibayar di bawah seksyen ini hendaklah kekal sah bagi sepanjang tempoh lesen itu termasuklah apa-apa tempoh pembaharuan yang diluluskan oleh Pengarah.

(6) Tertakluk kepada subseksyen (4), deposit hendaklah dikembalikan kepada pemegang lesen setelah tamat tempoh lesen

itu atau jika pemegang lesen menyerahkan lesennya, tertakluk kepada pematuhan syarat lesen atau apa-apa peruntukan Enakmen ini.

Pengeluaran lesen

57. (1) Pengarah boleh, selepas mengambil kira permohonan bagi suatu lesen di bawah seksyen 54 dan maklumat tambahan yang diberikan di bawah seksyen 55, melulus atau menolak permohonan itu.

(2) Jika permohonan bagi lesen diluluskan, Pengarah boleh mengeluarkan suatu lesen tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah, termasuklah—

- (a) pembayaran caj dan apa-apa bayaran lain atau sumbangan sebagaimana yang ditetapkan;
- (b) apa-apa langkah khas yang akan diambil untuk menggalakkan penggunaan cekap sumber air, untuk melindungi dan memperbaiki sumber air; dan
- (c) suatu pelan kecemasan yang memadai dan pelan pengurusan termasuklah langkah-langkah jika berlakunya kepincangan kerja yang memberi kesan ke atas atau ancaman kepada sumber air atau kesihatan awam.

(3) Suatu lesen boleh dikeluarkan bagi suatu tempoh tidak melebihi lima tahun.

(4) Dalam menentukan tempoh suatu lesen, Pengarah hendaklah mempertimbangkan sifat, skala, tempoh dan kesan kerja yang dicadangkan ke atas apa-apa sumber air.

Kuasa untuk mengenakan syarat tambahan, mengubah atau membatalkan syarat lesen

58. (1) Pengarah boleh, pada bila-bila masa—

- (a) mengenakan apa-apa syarat tambahan terhadap lesen; atau
- (b) mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas lesen.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Pengarah boleh mengambil kira perkara-perkara berikut:

- (a) maklumat baharu yang diperoleh menunjukkan kesan buruk terhadap sumber air;
- (b) perubahan dalam perundangan yang memperuntukkan piawaian dan keperluan baharu;
- (c) teknologi baharu yang membenarkan kawalan dan mitigasi pencemaran sumber air yang lebih baik; atau
- (d) keselamatan operasi bagi kerja yang dilesenkan yang menghendaki kaedah dan teknologi alternatif digunakan.

(3) Jika Pengarah berhasrat untuk mengambil tindakan di bawah subseksyen (1), Pengarah hendaklah memberi pemegang lesen, suatu notis bertulis mengenai hasratnya untuk berbuat demikian dan peluang untuk mengemukakan representasi bertulis dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis bertulis itu.

(4) Selepas tamat tempoh yang ditetapkan dalam notis bertulis itu, dan selepas menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh pemegang lesen, Pengarah hendaklah memutuskan sama ada untuk mengenakan, mengubah atau membatalkan apa-apa syarat di bawah subseksyen (1).

(5) Pengarah hendaklah memberi pemegang lesen, suatu notis bertulis tentang keputusannya di bawah subseksyen (4) seberapa segera yang boleh dan keputusan itu hendaklah berkuat kuasa pada suatu tarikh yang akan dinyatakan dalam notis bertulis itu.

Mempamerkan lesen

59. (1) Seorang pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesen di tempat yang mudah dilihat di premis aktiviti yang dijalankan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Perubahan butir-butir lesen

60. Seorang pemegang lesen hendaklah, apabila terdapat perubahan pada butir yang direkodkan dalam lesen, dengan segera memaklumkan mengenai perubahan itu kepada Pengarah.

Penggantian lesen

61. (1) Jika suatu lesen hilang, cacat atau rosak, pemegang lesen itu hendaklah memohon bagi salinan lesen itu daripada Pengarah dan permohonan itu hendaklah disertai dengan fi yang ditetapkan dan—

- (a) dalam hal lesen yang hilang, salinan laporan polis berhubung dengan kehilangan itu; atau
- (b) dalam hal lesen yang cacat atau rosak, lesen yang asal.

(2) Jika Pengarah meluluskan permohonan itu, pegawai pelesen hendaklah mengeluarkan suatu salinan lesen dengan perkataan “PENDUA” diendorskan pada salinan lesen itu.

Lesen tidak boleh dipindah milik

62. (1) Seorang pemegang lesen tidak boleh memindah milik lesennya atau menyerahkan apa-apa hak, kewajipan, liabiliti atau obligasinya di bawah lesen itu kepada mana-mana orang lain.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah orang perseorangan, didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya; atau
- (b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit.

Pembatalan lesen

63. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Pengarah boleh membatalkan suatu lesen jika Pengarah berpuas hati bahawa—

- (a) pemegang lesen itu telah mengemukakan maklumat yang salah, palsu atau mengelirukan dalam permohonan, bahan-bahan, maklumat atau pelan yang menyokong permohonan itu;
- (b) apa-apa terma atau syarat yang dikenakan dalam lesen telah dilanggar;
- (c) pemegang lesen itu gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan Enakmen ini atau perundangan subsidiarinya;
- (d) pemegang lesen itu telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau perundangan subsidiarinya;
- (e) pemegang lesen itu gagal membayar caj, bayaran atau sumbangan yang dikenakan di bawah Enakmen ini; atau
- (f) pemegang lesen itu tidak mampu membayar atau menanggungkan bayaran atau membuat apa-apa perkiraan atau penyusunan dengan pemiutangnya, yang pada pendapat Pengarah boleh menjejaskan operasi pemegang lesen atau wujud fakta atau keadaan yang pada pendapat Pengarah berkemungkinan akan menjurus kepada keadaan itu.

(2) Sebelum Pengarah membuat suatu keputusan di bawah subseksyen (1), Pengarah hendaklah memberi pemegang lesen—

- (a) suatu notis bertulis tentang hasrat Pengarah untuk membatalkan lesen itu; dan
- (b) suatu peluang untuk mengemukakan representasi bertulis dalam suatu tempoh yang ditetapkan dalam notis bertulis itu yang hendaklah tidak melebihi tiga puluh hari daripada tarikh notis bertulis itu disampaikan.

(3) Suatu lesen tersebut hendaklah terbatal secara automatik apabila—

- (a) kerja itu bertentangan dengan apa-apa perintah Mahkamah atau menjejaskan kepentingan awam;
- (b) pemegang lesen itu telah digulungkan atau diisytiharkan bankrap; atau
- (c) terdapat suatu perintah Mahkamah yang muktamad menghalang pelaksanaan kerja itu.

(4) Pengarah boleh, selepas mengeluarkan suatu notis bertulis di bawah perenggan (2)(a), memerintahkan pemegang lesen itu untuk memberhentikan apa-apa kerja sementara menunggu keputusan sama ada untuk membatalkan lesen itu atau tidak.

(5) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu, Pengarah hendaklah, selepas mempertimbangkan apa-apa representasi bertulis yang dikemukakan oleh pemegang lesen itu, memutuskan sama ada untuk membatalkan lesen itu atau tidak.

(6) Pengarah hendaklah memaklumkan kepada pemegang lesen itu secara bertulis tentang keputusannya di bawah subseksyen (5) seberapa segera yang boleh.

(7) Pemegang lesen tidak berhak kepada apa-apa bentuk ganti rugi jika lesen itu dibatalkan menurut subseksyen (1).

Pembaharuan lesen

64. (1) Seorang pemegang lesen boleh memohon bagi pembaharuan lesennya dengan membuat suatu permohonan kepada Pengarah dalam borang sebagaimana yang ditentukan dan hendaklah disertakan dengan fi yang sebagaimana ditetapkan selewat-lewatnya tiga bulan sebelum tarikh tamat lesen sedia ada.

(2) Apa-apa pembaharuan lesen hendaklah bagi tempoh tidak lebih daripada tempoh yang telah diluluskan bagi lesen itu dan tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang Pengarah fikirkan patut.

(3) Pengarah hendaklah, setelah menerima bayaran fi yang ditetapkan, memperbaharui lesen sedia ada kecuali dalam keadaan berikut:

- (a) pemegang lesen gagal untuk mematuhi peruntukan Enakmen ini atau perundangan subsidiarinya;
- (b) pemegang lesen gagal untuk mematuhi apa-apa syarat lesen itu;
- (c) pemegang lesen gagal menandatangani sejumlah wang yang dikenakan di bawah seksyen 56;
- (d) pemegang lesen mendapatkan lesen itu secara salah atau tidak sah;
- (e) pemegang lesen telah disabitkan dengan suatu kesalahan yang berkaitan dengan pencemaran sumber air di bawah mana-mana undang-undang; atau
- (f) telah berlaku apa-apa perbuatan atau keingkaran di pihak pemegang lesen atau telah wujud suatu perubahan dalam hal keadaan sehingga menyebabkan pemegang lesen itu tidak lagi berhak untuk diberikan lesen di bawah Enakmen ini.

(4) Pengarah boleh meminta pemegang lesen untuk memberikan maklumat atau dokumen sebagaimana yang dikehendaki bagi permohonan pembaharuan dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu.

(5) Jika maklumat atau dokumen yang diminta di bawah subseksyen (4) tidak diberikan oleh pemegang lesen dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu atau apa-apa lanjutan masa yang diberikan oleh Pengarah, Pengarah boleh untuk tidak memperbaharui lesen itu.

Rayuan

65. (1) Seseorang yang terkilan dengan—

- (a) keengganan Pengarah untuk memberikan suatu lesen di bawah Enakmen ini;
- (b) keengganan Pengarah untuk memperbaharui suatu lesen di bawah Enakmen ini; atau

(c) pembatalan suatu lesen,

boleh, dalam tempoh empat belas hari setelah diberitahu secara bertulis mengenai keengganan atau pembatalan itu, merayu secara bertulis terhadap keputusan itu kepada Lembaga.

(2) Lembaga boleh, setelah menimbangkan rayuan yang dibuat di bawah subseksyen (1), mengesahkan atau mengetepikan keputusan yang dirayukan itu.

(3) Seseorang yang terkilan dengan keputusan Lembaga di bawah subseksyen (2) boleh merayu secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Negeri, dalam tempoh tiga puluh hari setelah diberitahu secara bertulis mengenai keputusan itu, dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri adalah muktamad.

BAHAGIAN VI PENGUATKUASAAN

Pegawai diberi kuasa

66. (1) Kuasa penguatkuasaan di bawah Enakmen ini hendaklah dijalankan oleh seseorang pegawai diberi kuasa atau seorang pegawai polis.

(2) Bagi maksud Enakmen ini, seseorang pegawai diberi kuasa ertinya—

(a) Pengarah; dan

(b) mana-mana pegawai atau pegawai suatu Pihak Berkuasa Awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengarah untuk menjalankan semua atau apa-apa bahagian di bawah Bahagian ini sebagaimana yang ditentukan olehnya.

(3) Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah disifatkan sebagai seorang pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Kuasa penyiasatan

67. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan sesuatu penyiasatan perlakuan suatu kesalahan boleh menjalankan kuasa

penyiasatan polis dalam kes boleh tangkap di bawah Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] melainkan kuasa untuk menangkap tanpa waran.

(2) Seksyen ini tidak boleh dianggap sebagai mengehendkan atau menyentuh mana-mana kuasa yang serupa yang diberikan kepada mana-mana orang di bawah undang-undang bertulis lain.

Bukti kuasa

68. Dalam menjalankan kuasanya di bawah Enakmen ini, seorang pegawai diberi kuasa hendaklah, atas permintaan, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia menjalankan kuasa atau daripada siapa dia meminta apa-apa maklumat, bukti kuasanya.

Kuasa memasuki premis

69. Seorang pegawai diberi kuasa atau pegawai polis boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana premis bagi maksud—

- (a) untuk memantau aktiviti yang dikawal selia oleh Enakmen ini;
- (b) untuk menjalankan apa-apa tinjauan atau pungutan data ini;
- (c) untuk mengambil bacaan meter atau penyukatan atau sampel apa-apa perkara bagi maksud Enakmen ini;
- (d) untuk memeriksa mana-mana kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain sebagaimana yang difikirkannya perlu; atau
- (e) untuk mengesahkan ketepatan rekod atau kenyataan atau maklumat yang diberikan kepada pegawai diberi kuasa.

Capaian kepada data berkomputer

70. Mana-mana pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang menjalankan suatu penggeledahan di bawah Enakmen ini hendaklah diberi capaian kepada data berkomputer sama ada disimpan dalam suatu komputer atau apa-apa jenis peranti selainnya, dan bagi maksud itu, hendaklah diberikan kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang dikehendaki untuk membolehkan data berkomputer itu difahami.

Kuasa menyita sumber, dsb.

71. (1) Jika Pengarah berpuas hati bahawa mana-mana orang telah mengalihkan sumber atau mendepositkan bahan dalam sumber air yang bertentangan dengan Enakmen ini, Pengarah boleh memohon kepada Majistret bagi mengeluarkan suatu perintah untuk menyita berkenaan dengan—

- (a) keseluruhan atau mana-mana bahagian sumber atau bahan yang dialihkan atau didepositkan; dan
- (b) apa-apa loji atau pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan atau apa-apa benda yang digunakan dalam pengalihan atau pendepositan sumber atau bahan itu.

(2) Suatu perintah untuk menyita yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah berkuat kuasa serta-merta, melainkan dinyatakan sebaliknya dalam perintah itu, dan boleh mengandungi syarat sebagaimana yang dinyatakan oleh Majistret.

(3) Majistret boleh mengubah atau membatalkan perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1), atau apa-apa syarat yang dikenakan di dalamnya.

(4) Melainkan dibatalkan sebelumnya oleh Majistret, suatu perintah untuk menyita hendaklah kekal berkuat kuasa bagi tempoh dua belas bulan dari tarikh perintah itu dikeluarkan atau sehingga penyelesaian muktamad apa-apa prosiding yang dimulakan berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini.

(5) Apa-apa yang disita dalam perjalanan kuasa di bawah seksyen ini hendaklah tertakluk untuk pelucuthakan.

(6) Suatu perintah untuk pelucuthakan apa-apa yang disita boleh dibuat oleh Mahkamah jika dibuktikan sehingga Mahkamah berpuas hati bahawa sumber, bahan, loji, peralatan atau benda merupakan perkara pokok atau digunakan dalam perlakuan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini walaupun tiada orang telah disabitkan dengan kesalahan itu.

(7) Apa-apa sumber, bahan, loji, peralatan atau benda yang diperintahkan untuk dilucut hak di bawah subseksyen (6) boleh dilupuskan oleh Mahkamah dan hasil pelupusan itu hendaklah didepositkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Negeri.

(8) Sesiapa yang menyebabkan sumber, bahan, loji, peralatan atau benda yang merupakan subjek suatu perintah sitaan di bawah seksyen ini untuk digunakan, dialihkan, dijual atau dilupuskan atau dikendalikan bertentangan dengan perintah itu, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

Kuasa menyita benda, dsb.

72. Mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang semunasabahnya disyaki oleh seorang pegawai diberi kuasa atau pegawai polis telah digunakan atau akan digunakan dalam pelakuan mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini boleh disita dan ditahan oleh pegawai diberi kuasa atau pegawai polis itu.

Kuasa memberhentikan, menggeledah dan menyita pengangkut, dsb.

73. (1) Jika seseorang pegawai diberi kuasa atau pegawai polis mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa mana-mana pengangkut atau kenderaan sedang membawa mana-mana jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang berkenaan dengannya suatu kesalahan di bawah Enakmen ini sedang atau telah dilakukan, dia boleh memberhentikan dan memeriksa mana-mana pengangkut atau kenderaan itu dan boleh, jika atas pemeriksaan dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa pengangkut atau kenderaan itu sedang atau telah digunakan untuk melakukan kesalahan itu, menyita pengangkut atau kenderaan itu dan sebarang kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dijumpai dalam pengangkut atau kenderaan itu yang dengan semunasabahnya dipercayai berkaitan dengan perlakuan kesalahan itu.

(2) Orang yang mengawal atau menjaga pengangkut atau kenderaan itu hendaklah, jika dikehendaki berbuat demikian oleh pegawai diberi kuasa atau pegawai polis—

- (a) memberhentikan pengangkut atau kenderaan itu dan membenarkan pegawai diberi kuasa atau pegawai polis memeriksanya; dan

- (b) membuka semua bahagian pengangkut atau kenderaan itu untuk diperiksa dan mengambil segala langkah yang perlu untuk membolehkan atau memudahkan pemeriksaan itu sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pegawai diberi kuasa atau pegawai polis.

(3) Seseorang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Pemulangan sementara pengangkut, dsb.

74. (1) Jika apa-apa pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan atau apa-apa benda telah disita di bawah Enakmen ini, Mahkamah boleh membuat pemulangan sementara pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan atau apa-apa benda yang disita itu kepada pemunya pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan atau apa-apa benda itu atau orang yang daripada milikan, jagaan atau kawalannya ia disita, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang boleh dikenakan oleh Mahkamah, dan tertakluk kepada jaminan yang mencukupi diberikan sehingga Mahkamah berpuas hati bahawa pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan atau apa-apa benda itu akan diserahkan balik kepada Mahkamah apabila diminta dan bahawa terma dan syarat itu, jika ada, akan dipatuhi.

(2) Jika apa-apa pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan atau apa-apa benda yang disita dipulangkan buat sementara di bawah subseksyen (1), seseorang yang—

- (a) tidak menyerahkan balik pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan atau apa-apa benda itu kepada Mahkamah apabila diminta; atau
- (b) melanggar mana-mana terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

Pelucuthakan barangan yang disita, dsb. jika ada pendakwaan

75. (1) Mana-mana pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita

pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Enakmen ini boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi pelucuthakan pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain hendaklah dibuat jika dibuktikan sehingga memuaskan hati Mahkamah bahawa suatu kesalahan di bawah Enakmen ini telah dilakukan dan bahawa pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu merupakan hal perkara bagi atau digunakan dalam perlakuan kesalahan itu, walaupun tiada orang telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya telah dilakukan dan bahawa pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disebut di bawah subseksyen (1) merupakan hal perkara bagi atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, maka Mahkamah di hadapan mana pendakwaan mengenainya telah diadakan itu hendaklah memerintahkan supaya pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dilucuthakkan, dan hendaklah, jika tiada bukti sedemikian, memerintahkan pelepasannya.

(4) Mana-mana pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dilucuthakkan atau disifatkan terlucut hak hendaklah diserahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan boleh dilupuskan mengikut apa-apa arahan yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Pelucuthakan barangan yang disita, dsb. jika tiada pendakwaan

76. (1) Jika tiada pendakwaan dilakukan berkenaan dengan mana-mana pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Enakmen ini, pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu hendaklah diambil dan disifatkan terlucut hak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian notis ke alamat yang terakhir diketahui orang yang daripadanya pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu disita yang menyatakan bahawa tiada pendakwaan dilakukan berkenaan dengan pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu melainkan jika sebelum tamat tempoh itu suatu tuntutan baginya telah dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (2), (3) dan (4).

(2) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disebut dalam subseksyen (1) dan bahawa ia tidak boleh dilucuthakkan boleh, dengan sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada pengawai diberi kuasa yang dalam miliknya pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dipegang bahawa dia menuntut pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu.

(3) Apabila notis yang disebut dalam subseksyen (2) diterima, pegawai diberi kuasa itu hendaklah merujuk tuntutan itu kepada Mahkamah bagi mendapatkan keputusannya.

(4) Mahkamah yang kepadanya sesuatu perkara dirujuk di bawah subseksyen (3) hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dan orang yang daripadanya ia disita hadir di hadapannya, dan apabila mereka hadir atau apabila mereka tidak hadir, setelah dibuktikan bahawa saman itu telah disampaikan dengan sewajarnya, Mahkamah itu hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu dan apabila dibuktikan bahawa pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu adalah milik pemunya, memerintahkan supaya barangan itu dilepaskan atau jika sebaliknya, memerintahkan supaya pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dilucuthakkan.

Hak harta mengenai pengangkut, dsb., yang dilucuthakkan

77. Mana-mana pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dilucuthakkan atau disifatkan terlucut hak di bawah Enakmen ini hendaklah menjadi harta Pihak Berkuasa Negeri.

Pelepasan pengangkut, dsb., yang disita

78. Walau apa pun seksyen 77, Mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, pada bila-bila masa, mengarahkan supaya pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Enakmen ini dilepaskan kepada orang yang daripada milik, jagaan atau kawalannya ia disita.

Kos memegang pengangkut, dsb., yang disita

79. Jika mana-mana pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Enakmen ini dipegang dalam jagaan Pengarah sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, kos untuk memegangnya dalam jagaan hendaklah, sekiranya mana-mana orang didapati bersalah atas kesalahan itu, menjadi hutang yang kena dibayar kepada Lembaga oleh orang itu dan bolehlah didapatkan dengan sewajarnya.

Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

80. Tiada seorang pun boleh, dalam mana-mana prosiding di hadapan mana-mana Mahkamah berkenaan dengan penyitaan mana-mana pengangkut, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain di bawah Enakmen ini, berhak mendapat kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Kuasa mendapatkan kembali kos dan perbelanjaan

81. (1) Sekiranya seseorang itu gagal mematuhi kehendak mana-mana perintah, arahan atau pemberitahuan yang diberi oleh Pengarah di bawah Enakmen ini, Pengarah boleh mengambil tindakan atau mengarahkan agar tindakan itu diambil sebagaimana dianggapnya perlu untuk mematuhi kehendak perintah, arahan atau pemberitahuan itu dan boleh mendapat kembali dari orang itu segala kos dan perbelanjaan yang telah dikenakan berhubungan dengannya.

(2) Suatu notis dari Pengarah menyatakan bahawa—

- (a) dia berpendapat bahawa orang yang dinamakan di dalam notis itu bertanggungjawab atas kegagalan untuk melaksanakan tindakan yang ditentukan dan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* untuk tujuan sebarang prosiding di bawah seksyen ini; dan
- (b) jumlah yang dibelanjakan dalam pelaksanaan semua atau sebarang tugas yang dikehendaki di bawah

subseksyen (1) adalah bukti konklusif bagi jumlah yang kena dibayar dan tidak boleh dirayu atau disemak semula di Mahkamah.

Pemakaian Kanun Tatacara Jenayah

82. Peruntukan Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] yang berhubungan dengan perkara-perkara yang tidak diliputi oleh Enakmen ini hendaklah terpakai setakat mana ia selaras dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini, dan sekiranya ada apa-apa ketidakselarasan di antara peruntukan Enakmen ini dengan Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], peruntukan Enakmen ini hendaklah mengatasi.

Pendakwaan

83. (1) Tiada pendakwaan untuk apa-apa kesalahan di bawah peraturan Enakmen ini boleh dimulakan kecuali dengan kebenaran Pendakwa Raya.

(2) Tertakluk kepada peruntukan Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa olehnya atau pegawai polis boleh mengendalikan suatu pendakwaan untuk sebarang kesalahan di bawah Enakmen ini atau sebarang perundangan subsidiarinya di hadapan mana-mana Mahkamah.

BAHAGIAN VII

KESALAHAN DAN PENALTI

Kesalahan am

84. Sesiapa yang bertindak bertentangan atau gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan di bawah Enakmen ini atau apa-apa perundangan subsidiarinya, jika tiada penalti diperuntukkan secara spesifik berhubung dengannya, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan yang berterusan

85. Jika seseorang melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini dan kesalahan itu berterusan selepas sabitan, orang itu

hendaklah, sebagai tambahan kepada penalti yang dinyatakan bagi kesalahan tertentu itu, bertanggung, jika tiada denda selanjutnya diperuntukkan secara nyata, kepada suatu denda selanjutnya yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan.

Perampasan faedah monetari

86. Jika seseorang disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini dan jika dibuktikan sehingga Mahkamah berpuas hati bahawa akibat daripada perlakuan kesalahan itu, pesalah itu memperolehi faedah monetari, Mahkamah boleh memerintahkan pesalah itu untuk membayar sebagai tambahan kepada denda bagi kesalahan itu suatu amaun tambahan yang bersamaan dengan jumlah faedah monetari itu.

Kesalahan oleh badan korporat, pertubuhan atau perbadanan

87. Jika suatu badan korporat, pertubuhan atau perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini—

- (a) mana-mana orang yang, pada masa kesalahan itu dilakukan merupakan pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai yang seumpamanya bagi badan korporat, pertubuhan atau perbadanan itu, boleh didakwa secara berasingan atau bersama dalam prosiding yang sama sebagai badan korporat, pertubuhan atau perbadanan itu; dan
- (b) tiap-tiap pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai yang seumpamanya bagi badan korporat, pertubuhan atau perbadanan itu, yang dalam apa-apa cara, melalui perbuatan atau peninggalan secara langsung atau tidak langsung terlibat dengan atau menjadi pihak dalam perlakuan kesalahan itu hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu, melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau pembiarannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah atau bahawa dia telah mengambil segala usaha yang wajar bagi mengelakkan kesalahan itu daripada berlaku.

Pengkompaunan kesalahan

88. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini atau perundangan subsidiarinya sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun.

(2) Pengarah boleh dengan keizinan Pendakwa Raya mengkompaun mana-mana kesalahan yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) dengan membuat satu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Pengarah sejumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(3) Suatu tawaran yang dibuat di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau apa-apa perlanjutan masa sebagaimana yang Pengarah boleh berikan, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu, terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran kompaun telah dibuat dan apa-apa dokumen, peralatan, bahan atau benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilucut hak dan dilupuskan menurut arahan Pengarah.

(5) Semua jumlah wang yang diterima di bawah subseksyen (2) hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Lembaga.

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

Perlindungan daripada prosiding guaman dan perundangan

89. (1) Tiada tindakan boleh dikenakan atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana Mahkamah terhadap—

(a) Lembaga;

(b) Pengarah;

(c) mana-mana pegawai lain yang diberi kuasa;

- (d) pegawai polis; dan
- (e) mana-mana orang lain bagi atau bertanggungjawab terhadap atau berhubung dengan apa-apa tindakan yang dilakukan atau bertujuan untuk dilakukan olehnya di bawah perintah atau arahan Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa,

jika tindakan itu dilakukan dengan suci hati dan kepercayaan yang munasabah bahawa tindakan itu adalah perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai melaluinya dan bagi melaksanakan peruntukan Enakmen ini.

(2) Tiap-tiap anggota, pegawai, pekerja atau ejen Lembaga semasa menunaikan kewajibannya sebagai anggota, pegawai, pekerja atau ejen sedemikian hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Pemberian maklumat

90. (1) Pengarah boleh, secara notis bertulis menghendaki mana-mana orang, pemunya atau penghuni mana-mana premis mengikut mana yang berkenaan, untuk memberi apa-apa maklumat dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Mana-mana orang, termasuklah mana-mana juruaudit luar atau orang perseorangan yang berkecuali yang dilantik di bawah perenggan 46(1)(d), yang gagal untuk memberi apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki dalam subseksyen (1) atau memberi apa-apa jawapan atau maklumat palsu atau mengelirukan dalam apa-apa bentuk, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Perlindungan pemberi maklumat

91. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) dan (3), tiada saksi dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah boleh dikehendaki atau dibenarkan mendedahkan nama atau alamat pemberi maklumat atau isi maklumat yang diterima daripadanya atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat diketahui.

(2) Jika apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen atau data berkomputer yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan yang dalamnya mana-mana pemberi maklumat dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat diketahui, Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya semua catatan itu ditutup daripada penglihatan atau dipadamkan hanya setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat daripada diketahui.

(3) Jika dalam perbicaraan bagi mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya, Mahkamah selepas siasatan penuh tentang kes itu mempercayai bahawa pemberi maklumat dengan sengaja membuat dalam aduannya suatu pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya adalah benar, atau jika dalam apa-apa prosiding lain Mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dicapai sepenuhnya antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa mengetahui pemberi maklumat, Mahkamah boleh menghendaki pengemukaan aduan asal, jika bertulis, dan membenarkan siasatan dan menghendaki penzahiran sepenuhnya, berkenaan dengan pemberi maklumat itu.

Kuasa menetapkan borang

92. Pengarah boleh, menetapkan borang, instrumen atau notis yang dikehendaki di bawah Enakmen ini.

Kuasa membuat peraturan-peraturan

93. (1) Lembaga dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, membuat apa-apa peraturan yang perlu dan berkenaan bagi melaksanakan Enakmen ini.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh menetapkan sebarang perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti.

BAHAGIAN IX

PEMANSUHAN DAN KECUALIAN

Pemansuhan dan kecualian

94. (1) *The Ferries Enactment, 1901* [Enactment No. 1 of 1901], *Waters Act 1920* [Act 418] sejauh mana ianya terpakai kepada

Negeri Perak dan Enakmen Pengurusan Pesisir Pantai Perak 2016 [*Enakmen 10*] dimansuhkan (Enakmen dimansuhkan).

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Enakmen dimansuhkan tidak menjejaskan perisytiharan, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, perintah atau apa-apa perundangan subsidiari yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut Enakmen yang dimansuhkan dan berkuat kuasa sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini dan perisytiharan, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, perintah atau apa-apa perundangan subsidiari itu hendaklah kekal berkuat kuasa dan hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah perisytiharan, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, perintah atau apa-apa perundangan subsidiari itu dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut Enakmen ini sehingga digantikan atau dibatalkan oleh mana-mana perisytiharan, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, perintah atau apa-apa perundangan subsidiari yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut Enakmen ini.

(3) Kecuali setakat mana yang diperuntukkan dengan nyata sebaliknya, tiada apa-apa dalam Enakmen ini hendaklah—

- (a) menyentuh perjalanan kuat kuasa terdahulu, atau apa-apa jua pun yang dibuat dengan wajarnya atau ditangguhkan di bawah Enakmen dimansuhkan; atau
- (b) menyentuh apa-apa hak, hakmilik, kepentingan, kebebasan, keistimewaan, obligasi atau liabiliti yang diperolehi, terakru atau ditanggung di bawah Enakmen dimansuhkan.

(4) Mana-mana orang yang sebelum berkuatkuasanya Enakmen ini, menjalankan apa-apa kerja yang menghendaki suatu lesen atau kelulusan di bawah Enakmen ini hendaklah, dalam tempoh enam bulan berkuatkuasanya Enakmen ini atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang Pihak Berkuasa Negeri boleh putuskan, memohon bagi lesen atau kelulusan yang diperlukan dan hendaklah sementara menunggu lesen itu diberikan, menjalankan apa-apa kerja itu tertakluk kepada apa-apa terma dan arahan sebagaimana yang Pihak Berkuasa Negeri fikirkan patut.

(5) Apa-apa siasatan, perbicaraan dan prosiding yang dilakukan, diambil atau dimulakan di bawah Enakmen dimansuhkan sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini hendaklah diteruskan atau diselesaikan di bawah dan mengikut peruntukan Enakmen dimansuhkan.

Diluluskan pada 27 September 2023
[UPEN.PK.700-9/6/9;
PU.Pk. 1/2022]

MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH
Setiausaha Dewan Negeri
Perak Darul Ridzuan



LAWS OF THE STATE OF PERAK

Enactment 18

**PERAK WATER RESOURCES
ENACTMENT 2023**

Date of Royal Assent	...	...	24 October 2023
Date of publication in the <i>Gazette</i>	...	...	10 November 2023

LAWS OF THE STATE OF PERAK

Enactment 18

PERAK WATER RESOURCES ENACTMENT 2023

ARRANGEMENT OF SECTIONS

PART I

PRELIMINARY

Section

1. Short title, commencement and application
2. Interpretation

PART II

ADMINISTRATION

Chapter 1

The Perak Water Resources Management Board

3. Establishment of the Board
4. Vesting
5. Common seal
6. Membership of the Board
7. Disclosure of interest
8. Vacation of office
9. Validity of actions and proceedings
10. Meetings of the Board
11. Board may invite other persons to attend meetings
12. Board may establish committees
13. Minutes
14. Directions and delegation of powers of the State Authority
15. Information to the State Authority

Chapter 2*Functions and powers of the Board***Section**

16. Functions of the Board
17. Powers of the Board
18. Delegation of functions and powers of the Board
19. Power to establish corporation

Chapter 3*Employees of the Board*

20. Appointment of Director of Perak Water Resources Management Board
21. Functions of the Director
22. Delegation of powers by Director
23. Appointment of officers and other employees
24. Discipline and surcharge
25. Power to employ agents

PART III**FINANCE**

26. Board Consolidated Fund
27. Water Development Fund
28. Power to borrow
29. Accounts and annual report
30. Investigation of accounts

PART IV**MANAGEMENT AND PROTECTION OF WATER RESOURCES**

31. Responsibility for water resources
32. Preparation of integrated water resources management plan

Section

33. Implementation of management plan
34. Interstate water resources management plan
35. Order to stop work
36. Declaration of protection area
37. Management of storm water
38. Water resources management during flood and drought
39. Actions during flood and drought
40. Further actions during drought
41. Mitigation of water pollution due to accident
42. Control on water wastage
43. Water resources recovery actions
44. Prohibition on water resources pollution

PART V

USE OF WATER RESOURCES AND LICENSING

Chapter 1

Use of water resources

45. Right to water for purpose of self-sufficiency
46. Installation and handling of water measurement
47. Power to impose charges, etc.
48. Efficient use of water resources
49. Control of water resources usage
50. Abstraction of water
51. Diversion, etc., of water flows
52. Control of navigation in the State inland waterway
53. Control of recreational activities

Chapter 2*Licensing***Section**

- 54. Application of licence
- 55. Additional information or document
- 56. Deposit
- 57. Issuance of licence
- 58. Power to impose additional, vary or revoke conditions of licence
- 59. Display of licence
- 60. Change of particulars of licence
- 61. Replacement of licence
- 62. Licence is not transferable
- 63. Revocation of licence
- 64. Renewal of licence
- 65. Appeal

PART VI**ENFORCEMENT**

- 66. Authorised officer
- 67. Power of investigation
- 68. Proof of authority
- 69. Power to enter premise
- 70. Access to computerized data
- 71. Power to seize resources, etc.
- 72. Power to seize thing, etc.
- 73. Power to stop, search and seize conveyer, etc.
- 74. Temporary return of conveyer, etc.
- 75. Forfeiture of seized goods, etc., if there is prosecution
- 76. Forfeiture of seized goods, etc., without prosecution

Section

- 77. Right of property on forfeited conveyer, etc.
- 78. Release of seized conveyer, etc.
- 79. Cost of withholding seized conveyer, etc.
- 80. No cost or compensation arising from the seizure shall be recoverable
- 81. Power to recover cost and expense
- 82. Application of the Criminal Procedure Code
- 83. Prosecution

PART VII

OFFENCES AND PENALTIES

- 84. General offences
- 85. Continuous offences
- 86. Seizure for monetary benefit
- 87. Offence committed by body corporate, organization or association
- 88. Compounding of offences

PART VIII

MISCELLANEOUS

- 89. Protection against suit and legal proceedings
- 90. Tipping-off
- 91. Protection of informant
- 92. Power to set form
- 93. Power to make regulations

PART IX

REPEAL AND SAVINGS

- 94. Repeal and savings

LAWS OF THE STATE OF PERAK

Enactment 18

PERAK WATER RESOURCES ENACTMENT 2023

I ASSENT,

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH
Sultan of Perak

24 October 2023

An Enactment to provide for the integrated management on the use, development and protection of water resources in the State of Perak, the establishment of Perak Water Resources Management Board and matters connected therewith.

[]

ENACTED by the Legislature of the State of Perak Darul Ridzuan as follows:

PART I

PRELIMINARY

Short title, commencement and application

1. (1) This Enactment may be cited as the Perak Water Resources Enactment 2023.

(2) This Enactment shall come into operation on such date to be appointed by the State Authority by notification in the *Gazette*, and the State Authority may appoint different dates for the coming into operation—

(a) different provisions of this Enactment; and

(b) provisions of this Enactment on different water resources or any part of it.

(3) Notwithstanding subsection (2), the State Authority may by notification in the *Gazette*, exempt any water resources area in the State from the application of any or all of the provisions of this Enactment.

(4) In the event of any conflict or inconsistency between the provisions of this Enactment and any other written law pertaining to water resources, the provisions of this Enactment shall prevail and the conflicting or inconsistent provisions of such other written law shall be deemed to be superseded to the extent of the conflict or inconsistency.

Interpretation

2. In this Enactment, unless the context otherwise requires—

“ground water” or also known as underground water, means water below the ground surface that fills the pores or pores in soil, deposit or sediment or rocks in the saturated state;

“water body” means any water channel, lake, pond, wetland, coastal waters and other water body, of natural or artificial and includes any designated water body;

“waste” has the same meaning assigned to it in the Environmental Quality Act 1974 [*Act 127*];

“flood plain” means any area adjoining a river or a water body which is susceptible to flooding;

“effluent” means sewage and substance whether in the form of solid, semi-solid, liquid, gas, vapour, waste water including the discharge result of a leachate or release from livestock or aquaculture or any human activity that was released, extracted or placed on or affected the water body in any volume, composition or method that causes pollution;

“protection area” means any area declared as a protection area under section 36;

“catchment area” means any area from which a water resource receives a surface flow derived from rain;

“problematic land area” means any land adjacent to a water resource where the decline in the ground water level may cause water drop, soil deposition, spontaneous combustion and other adverse effects;

“work” means any activity including—

- (a) operation, maintenance, construction, production or installation of structure, building, equipment, vessel, embankment, ground work, or causeway on, in, across or under any water resources or its catchment area;

- (b) dredging, reclamation, deepening, filling or draining of any water resources or its catchment area;
- (c) exploration, mining, drilling, piling any water resources or its catchment area;
- (d) release of any substance, matter or thing directly into any water resources or its catchment area;
- (e) planting, cutting or felling any vegetation on any water resources or its catchment area; and
- (f) impoundment, diversion, discharge, hindrance or interference to water flow and water usage in any water resources;

“Board” means the Perak Water Resources Management Board established under section 3;

“Court” means the court which have the competent authority;

“ground water well” means an underground layer saturated with water and degree of permeability either in permeable rock, deposit or sediment such as sand, gravel or soil from which groundwater can be extracted using a water well or any other methods;

“police officer” means a member of the Royal Malaysia Police not below the rank of Inspector;

“Erosion and Sediment Control Plan” means a plan or set of plans that demonstrate methods for controlling rainwater drainage, soil erosion, sediment run during construction, site stabilization, and construction maintenance phase or other land disturbance activities;

“management plan” means an integrated water resources management plan made under section 32;

“discharge” means extracting, placing or causing discharge or allowing any extraction, placement or discharge;

“pollutant” has the same meaning assigned to it in the Environmental Quality Act 1974 [*Act 127*];

“pollution” has the same meaning assigned to it in the Environmental Quality Act 1974 [*Act 127*];

“water abstraction” means a process of moving, taking, pumping, compositing or transferring water or resource from any water resources or catchment area;

“Director” means the Director of Perak Water Resources Management Board appointed under section 20;

“occupier” means a person occupying or controlling—

(a) any premise or land;

(b) relating to premise or land which different part of it occupied by different person, each person occupying or controlling each of that part; or

(c) any vehicle, vessel or aircraft;

“integrated water resources management” means a process that encourage coordination of the use, development and protection of water resources, land and related resources to maximize economic revenue and social welfare in an equitable manner without jeopardising ecosystem’s sustainability;

“coastal waters” means a reference to such part of the State territorial sea under subsection 3(3) of the Territorial Sea Act 2012 [*Act 750*];

“subsistence agriculture” means agricultural, fisheries or livestock activities for the purpose of raising a family or a group of families including trading transactions at a subsistence level, which generate monthly income, for an amount prescribed by the State Authority based on any document or statement submitted by the owner or occupier of such premise or land, but excluding trade agricultural enterprises involving plant cultivation or livestock;

“Public Authority” means any authority exercising powers vested to them by Federal law or State law, or any person appointed by or acting on behalf of such authority;

“State Authority” means the Perak State Executive Council;

“premise” includes any building or any part thereof whether completed or not, on land or in any water resources;

“river reserve” means the river and the landward extend of the flood plain located within a distance of fifty metres of the normal high water mark of the river or such other distance as may be prescribed by the State Authority and includes any designated river reserve;

“structure” means any structure, whether completed or not, that was built on, in, across or under water resources, including but not limited to boat ramp, bridge, fort, groyne, highway, jetty, road, pedestrian walkway, well, tunnel and pipe channel;

“water resources” means any water body, including river and ground water;

“land” has the same meaning assigned to it in the National Land Code [*Act 828*];

“bank” relating to a water resource means any bank of water resources naturally formed or artificial; and

“vessel” includes any ship or boat or any other vessel description that is used in sailing.

PART II

ADMINISTRATION

Chapter 1

The Perak Water Resources Management Board

Establishment of the Board

3. (1) A body corporate by the name of “Perak Water Resources Management Board” is established.

(2) The Board shall have perpetual succession and shall have its common seal.

(3) The Board may sue and be sued in its corporate name.

(4) Subject to and for the purposes of this Enactment, the Board may, upon such terms as it deems fit—

- (a) enter into contracts; and
- (b) in respect of movable and immovable property and interest in movable and immovable property of every description—
 - (i) acquire, purchase and take such property and interest; and
 - (ii) hold, enjoy, convey, assign, surrender, yield up, charge, mortgage, demise, reassign, transfer or otherwise dispose of, or deal with, such property and interest vested in the Board.

Vesting

4. (1) There is and shall be vested solely in the State Authority all water resources as is within the territories of the State and the limits of the State's coastal waters.

(2) Subject to subsection (1), the State Authority may, by order published in the *Gazette*, appoint a vesting date and on such date all property, right, interest, obligation and liability of the State Government relating to management of water resources, except for such property, right, interest, obligation and liability as may be specified in the order, shall be transferred to and vested in the Board without any conveyance, assignment or transfer.

(3) Every property, rights, interest, obligation and liability transferred to and vested in the Board by virtue of subsection (2) shall be so transferred to and vested in the Board for the like title, estate or interest and on the like tenure as the property, rights, interest, obligation and liability was vested or held immediately before the vesting date.

(4) Every chose in action, rights, interest, obligation or liability vested in the Board by virtue of subsection (2) may, on and after the vesting date, be sued on, recovered or enforced by the Board in its own name and it shall not be necessary for the Board or State Government to give notice to—

- (a) the person bound by the chose in action; or

- (b) the person whose rights, interest, obligation or liability is affected by, the vesting made under subsection (2).

(5) Any pending legal proceeding by or against the State Government which relates to any property, rights, interest, obligation or liability transferred to and vested in the Board by virtue of subsection (2) may, on and after the vesting date, be continued by or against the Board.

(6) In the case of rights, interests, obligations and liabilities arising under any loan which are vested in the Board on the vesting date, the Board may enter into such agreements or arrangements over such rights, interest, obligations and liabilities with the State Government or any other party.

(7) On and after the vesting date, any agreement, deed or other arrangement relating to any property, rights, interest, obligation and liability transferred to and vested in the Board under subsection (2) to which the State Government was a party immediately before the vesting date, whether in writing or not, and whether or of such a nature that property, rights, interest, obligation under the agreement, deed or other arrangement, as the case may be, should be assigned by the State Government, shall have effect as if the Board has been a party to such agreement, deed or other arrangement.

(8) In this section, “vesting date” means the date appointed by the State Authority under subsection (2).

Common seal

5. (1) The common seal of the Board shall bear such device as the Board may approve and such seal may be broken, changed, altered or made anew by the Board as it thinks fit.

(2) Until a seal is provided by the Board, a stamp bearing the words “Perak Water Resources Management Board” may be used and shall be deemed to be the common seal of the Board.

(3) The common seal of the Board shall be kept in the custody of the Chairman and shall be authenticated by—

- (a) two members of the Board who are authorized by the Board; or
- (b) a member of the Board who is authorized by the Board and the Chairman.

(4) All deeds, documents and other instruments purporting to be sealed with the common seal and authenticated in accordance with subsection (3) shall, until the contrary is proved, be deemed to have been validly executed.

(5) The common seal of the Board shall be officially and judicially noticed.

Membership of the Board

6. (1) The Board shall consist of the following members:

- (a) a Chairman appointed by the State Authority;
- (b) the State Secretary shall be the Deputy Chairman;
- (c) six members by virtue of the offices appointed by the State Authority;
- (d) not more than three other members appointed by the State Authority, who is an expert on matters relating to water resources; and
- (e) the Director shall be the Secretary of the Board.

(2) Subject to any conditions stated in his letter of appointment, a member appointed under paragraph (1)(d) shall, unless he sooner resigns or vacates his office or his appointment is revoked, hold office for a term not exceeding two years and shall be eligible for reappointment.

(3) The members of the Board may be paid such remuneration or allowances as determined by the State Authority.

Disclosure of interest

7. (1) A member of the Board or member of any committee established under section 12 who has or acquires a direct or indirect interest by himself, a member of his family or his associate in relation to any matter under discussion by the Board or such committee shall disclose to the Board or such committee, as the case may be, the fact of his interest and the nature of such interest.

(2) A disclosure under subsection (1) shall be recorded in the minutes of the Board or such committee, as the case may be, in which the matter is discussed and after the disclosure, the member—

- (a) shall be disregarded for the purpose of constituting a quorum of the meeting of the Board or such committee, as the case may be; and
- (b) shall not take part or be present during any discussion or decision of the Board or such committee, as the case may be, when the matter is discussed or decided upon.

(3) No act or proceeding of the Board or committee shall be invalidated on the ground that any member of the Board or committee has contravened the provisions of this section.

(4) For the purpose of this section—

- (a) “a member of his family”, in relation to a member of the Board or a committee, includes—
 - (i) his spouse;
 - (ii) his parents (including a parent of his or her spouse);
 - (iii) his children (including an adopted child or stepchild);
 - (iv) his siblings (including siblings of his spouse); and
- (b) “associate”, in relation to a member of the Board or committee, means—
 - (i) any person who is a nominee or an employee of such member;
 - (ii) any firm of which such member or any nominee of his is a partner;
 - (iii) a partner of such member;
 - (iv) a trustee of a trust under which such member or a member of his family is a beneficiary; or

- (v) any corporation, within the meaning of the Companies Act 2016 [Act 777], of which such member or any nominee of his or a member of his family is a director or has a controlling interest or shares to the total value of not less than thirty percent of the total issued capital of the corporation.

Vacation of office

8. The office of a member of the Board appointed under paragraph 6(1)(d) shall be vacated if—

- (a) he dies;
- (b) there has been proved against him, or he has been convicted on, a charge in respect of—
 - (i) an offence involving fraud, dishonesty or moral turpitude;
 - (ii) an offence under any law relating to corruption or under this Enactment; or
 - (iii) any other offence punishable with imprisonment (by itself or in addition to or in lieu of a fine) for a term of more than two years;
- (c) he becomes a bankrupt;
- (d) he is of unsound of mind or incapable of discharging his duties;
- (e) he absents himself from three consecutive meetings of the Board without leave of the State Authority for the Chairman and leave of the Chairman for other members of the Board;
- (f) his resignation is accepted by the State Authority; or
- (g) his appointment is revoked by the State Authority.

Validity of actions and proceedings

9. No act done or proceedings taken under this Enactment shall be questioned on the grounds of—

- (a) any vacancy in membership of the Board or committee, or defect in the establishment of Board or committee; or

- (b) any omission, defect or irregularity not affecting the merit of such case.

Meetings of the Board

10. (1) The Board shall meet at least twice a year.

(2) The quorum of the Board at any meeting shall be half of the members of the Board being present including the Chairman or the Deputy Chairman.

